

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"PERKHIDMATAN Awam adalah nadi utama yang menentukan kemajuan dan keutuhan sesebuah negara".

- Titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-24, Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"KATAKANLAH jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan ingatlah Allah Maha Pengampun Lagi Maha Mengasihi".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 31

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 22

20 FEBRUARI 2021 / 1442 رجب 8

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Bincang isu dua hala, serantau



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Retno L.P. Marsudi, di Istana Nurul Iman.

Siaran Akhbar :

Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap

Menteri Luar Negeri Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Retno L.P. Marsudi.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Darussalam dan Puan Yang Terutama Menteri Luar Negeri Republik Indonesia telah berbincang mengenai isu-isu dua hala dan serantau yang menjadi kepentingan bersama di antara kedua-dua buah negara.

Selain itu, Puan Yang Terutama juga menyampaikan sokongan penuh Republik Indonesia terhadap Negara Brunei

Darussalam selaku Pengerusi ASEAN bagi Tahun 2021 dalam sama-sama mencapai matlamat deliverables yang dihasratkan.

Menyertai PYT semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Sujatmiko.

Turut hadir ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



BRUNEI DARUSSALAM 2021

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama

BND23,800 disumbangkan ringankan beban mangsa kebakaran

Muka 10

MAHKOTA Crystal : Lebih 2 dekad dalam seni pembuatan kaca

Muka 28

STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 19 FEBRUARI 2021, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN	185
JUMLAH KEMATIAN	3
JUMLAH KES YANG SEMBUH	180

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

COVID-19 : 2 masih dirawat

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) alhamdulillah mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, sebanyak 185 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 289 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Menurut Kementerian Kesihatan, satu

kes dilaporkan sembuh, manakala dua kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes import setakat ini sebanyak 44 kes dan kes yang sembuh adalah seramai 180 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 718 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 13,146 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Ke muka 6

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Pembangunan penting kekalkan kesejahteraan rakyat

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama lagi di sesi per muzakarah tahunan Kementerian Pembangunan bersama dengan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini. Pada kali ini, kita mulakan dengan acara menanam pokok di persekitaran perancangan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS) ini, yang mana secara langsung kita mendukung salah satu inisiatif Brunei Climate Change Secretariat. Mudah-mudahan usaha ini akan berterusan dan menjadi contoh terbaik dan galakkan kepada anak-anak generasi kita masa hadapan dan orang ramai, dalam usaha negara kita untuk meningkatkan semula penyerapan karbon melalui penanaman pokok sempena Tahun Tindakan Iklim 2021.

Peramba / kaola / saya juga mengucapkan selamat datang ke Bangunan Pengurusan dan Pemeliharaan Jambatan yang dibina khusus untuk Brunei Bridge Authority (BBA), iaitu satu badan autoriti yang dipertanggungjawabkan bagi pengurusan dan operasi jambatan-jambatan seluruh negara, termasuk Jambatan SHOAS yang indah dan elegan seperti yang kita dapataksikan dari bangunan ini.

Seperti yang kita semua ketahui, pada tahun lepas, sesi persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hanya dijalankan selama satu minggu sahaja disebabkan pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun pandemik ini masih berleluasa di seluruh negara di dunia ini, alhamdulillah, syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, negara kita dapat mengawalinya dengan baik, mudah-mudahan kita semua dan negara kita akan sentiasa dilindungi Allah. Amin.

Alhamdulillah, difahamkan pihak Kementerian telah pun menjawab beberapa soalan bertulis yang tidak sempat dijawab di masa MMN tahun lepas dengan menghantarnya secara *post* dan e-mel kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi per muzakarah adalah merupakan satu *avenue*, di mana kementerian dapat mendengar apa-apa jua permasalahan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh kementerian ini serta menerima apa-apa jua saranan dan pendapat mengenai isu-isu semasa yang berkaitan dengan pembangunan prasarana, perumahan, alam sekitar, perancangan guna tanah dan sebagainya, yang mana semua ini adalah sangat penting bagi kita dalam memastikan dan mengekalkan kesejahteraan hidup rakyat negara ini tetap terjamin.

Peramba / kaola / saya juga telah difahamkan bahawa dua sesi



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap pada Sesi Muzakarah Kementerian Pembangunan bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada 27 Jamadilakhir 1442H bersamaan 10 Februari 2021M bertempat di Bangunan Brunei Bridge Authority (BBA) Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin.

per muzakarah secara berasingan telah pun diadakan dengan beberapa buah jabatan yang berkenaan di bawah Kementerian Pembangunan iaitu pada 1 Februari 2021 bersama Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Tanah dan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), manakala pada 6 Februari 2021 diadakan bersama dengan Jabatan Kerja Raya.

Peramba / kaola / saya berharap per muzakarah yang telah dibuat itu dapat membuahkan hasil dalam mengemukakan isu-isu semasa serta dapat membuat rumusan dan penambahbaikan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan. Ini adalah penting bagi kementerian ini untuk menggubal atau mereview dasar-dasar dan peraturan yang mungkin sudah tidak relevan lagi pada masa ini. Umpamanya dasar dan peraturan-peraturan tanah, dasar perancangan dan guna tanah, dasar pemberian perkhidmatan kepada pihak-pihak dan orang-orang yang tertentu dan seumpamanya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di sesi per muzakarah pada pagi ini, peramba / kaola / saya ingin mengongsikan beberapa perancangan dan inisiatif kementerian ini seperti berikut :

1. Pembangunan Infrastruktur
Di dalam buku *policy framework* dan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2020-2025, pembangunan infrastruktur adalah di antara perkara yang ditekankan dan diberi keutamaan bagi mencapai kualiti kehidupan rakyat.

Peramba / kaola / saya percaya semasa Per muzakarah bersama Jabatan Kerja Raya pada hari Sabtu yang lalu,

perancangan dan perkembangan projek-projek telah pun dibentangkan dan dibincangkan. Isu perkhidmatan air dan jalan raya memang sering ditimbulkan, dan pihak kementerian melalui Jabatan Kerja Raya telah mengatur beberapa pelan penambahbaikan dan kerja-kerja penyelenggaraan mengikut keutamaan bagi Tahun Kewangan 2021/2022 nanti.

Seperti yang telah dimaklumkan semasa sesi bersama Jabatan Kerja Raya, sebanyak 68 buah projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara RKN-11 telah pun diperuntukkan bagi mengendalikannya kerja-kerja infrastruktur, prasarana jalan raya, sistem bekalan air serta pencegahan banjir. Dari sejumlah 68 buah projek tersebut, sebanyak enam projek telah siap dilaksanakan dan sebanyak 35 projek sedang dalam pelaksanaan manakala selebihnya masih di dalam proses reka bentuk dan tawaran.

Semua ini memakan belanja sebanyak lebih dari BND300 juta dan apa yang diharapkan ia bukan sahaja memberi kemudahan asas kepada orang ramai, malahan juga dapat menaikkan taraf kualiti dan kehidupan penduduk di negara ini, insyaaAllah.

2. Rancangan Perumahan Negara

Melalui perancangan yang telah diatur, Jabatan Kemajuan Perumahan pada masa ini sedang giat meneruskan projek rancangan perumahan negara di Kampung Lugu Fasa 2, Kampung Tanah Jambu, Kampung Bukit Beruang, projek menaik taraf rumah teres H33, H35 dan H36 di Kampung Rimba dan Kampung Lambak Kanan. Mengenai dengan alternatif penyediaan perumahan, pihak kementerian masih lagi giat mengkaji keberkesanan kaedah Public Private Partnership (PPP) dengan kerjasama dari pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi (PCube) sejak dari tahun 2019. Beberapa tapak telah pun dikenal pasti sesuai untuk dijadikan projek PPP perumahan, seperti Kawasan Perumahan Lambak Kanan seluas 50 hektar yang mana dapat membina lebih dari 1,000 buah rumah teres dan *semi-detached*, sehingga kini masih di dalam peringkat penilaian oleh pihak PCube.

Mengenai dengan perumahan jenis pangsa H40 yang terletak di Jalan 99, Kampung Rimba yang mempunyai 300 unit rumah, pada masa ini telah pun *dioffer* kepada pemohon RPN yang sudah mendapat perkenan dan masih menunggu rumah. Beberapa sesi *viewing* bagi tunjuk minat telah pun dibuat sejak bulan Julai dan Disember tahun lepas, walaupun respons dari peserta perumahan pada mulanya agak rendah, tetapi setelah pihak perumahan memberi penerangan responsnya adalah positif. Proses penelitian dan penilaian oleh pihak Jabatan Kemajuan Perumahan sedang dijalankan dan dijangka pangsa ini akan diisikan sebelum menjelang Hari Raya nanti.

Ke muka 14

Dari Sidang
Pengarang.

20 FEBRUARI 2021 BERSAMAAN 1442 رجب 8

JANGAN PANDANG SAMBIL LEWA SIJIL HALAL

SEBAGAI umat Islam kita sentiasa mementingkan keberkatan dalam hidup dalam semua aspek baik dalam pekerjaan, kehidupan berkeluarga bahkan dalam apa jua makanan yang masuk ke dalam tubuh kita.

Menyentuh mengenai makanan, tidak dinafikan kehalalan merupakan satu kemestian yang tidak boleh dikompromi kerana ia bersangkut paut dengan amalan kita. Rezeki yang tidak berkat tentunya menyukarkan kita menerima rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Sijil Halal merupakan dokumen yang penting bagi pemilik restoran kerana ia mampu memberi keyakinan buat pelanggan untuk menjamu selera di restoran. Di samping itu, melalui Sijil Halal, pelanggan lebih yakin tentang tahap kebersihan sesebuah premis. Tahap kesedaran pengusaha-pengusaha restoran untuk memiliki Sijil Halal perlu ada dan diperkukuhkan lagi agar tidak timbul sebarang masalah mengenai masakan yang dihidangkan.

Baru-baru ini terdapat beberapa buah premis didapati masih belum mendapatkan Sijil Halal walaupun telah beroperasi selama enam bulan. Perkara ini sangat dikesalkan kerana sikap ambil mudah sesetengah pemilik restoran mengenai sijil halal yang mungkin menganggap sijil tersebut tidak penting bagi mereka. Sikap tidak peka dan sensitiviti terhadap pengunjug yang beragama Islam dan tidak bertanggungjawab ini perlu dikikis kerana ia melibatkan orang-orang Islam yang berkunjung makan di restoran mereka.

Kegagalan premis-premis ini memohon Sijil Halal setelah beroperasi lebih dari enam bulan adalah menjadi satu kesalahan di bawah Bab 4 (1), Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 dan jika sabit boleh dikenakan denda sehingga BND8,000 atau / dan penjara sehingga dua tahun menurut Bab 4 (5) dan Bab 10 (6), Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan), 2017.

Masyarakat Islam di negara ini digesa supaya lebih peka dan prihatin akan isu Sijil Halal. Mereka juga perlu proaktif dan membantu pihak penguat kuasa membanteras jika ada kegiatan tidak bermoral sesetengah pengusaha restoran yang cuba menggunakan ciri-ciri Islam untuk menarik pengunjug orang Islam makan di restoran sedangkan hakikatnya adalah sebaliknya.

Kita perlu berhati-hati apabila hendak menjamu selera di restoran-restoran yang baru dikunjungi. Jangan hanya disebabkan masakan yang sedap sehingga kita terlalai mengenai kehalalannya. Pihak restoran juga perlu memikirkan kemaslahatan pengunjug restoran mereka. Rezeki yang berkat memudahkan perjalanan perniagaan.

- Ketua Penyuntingan (Ri)

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 26 °C	32 26 °C	31 26 °C
PEKAN BANGAR		
31 26 °C	32 26 °C	31 26 °C
PEKAN TUTONG		
31 26 °C	32 26 °C	31 26 °C
KUALA BELAIT		
31 26 °C	32 26 °C	31 26 °C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	SABTU	8	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
21	AHAD	9	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
22	ISNIN	10	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.53	6.34	7.44
23	SELASA	11	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
24	RABU	12	5.05	5.15	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	KHAMIS	13	5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.51	6.34	7.43
26	JUMAAT	14	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN	AMBULANS 991	POLIS 993	BOMBA 995	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam	NDMC 123 2380214
---------------------	-----------------	--------------	--------------	-------------------	--	------------------------

Hari Puja Usia DPMM diraikan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah berkenan bergambar ramai pada Majlis Santap Petang sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-47 Tahun yang dianjurkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB). Turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga selaku Komandan Polis Wanita dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin

GADONG, Khamis, 18 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri

Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-47 Tahun yang dianjurkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB). Berangkat sama pada majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet, Kompleks Ibu Pejabat Polis, Gadong ialah Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah. Turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga selaku Komandan

Polis Wanita dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berserta kerabat diraja dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji

Mohammad Irwan bin Haji Hambali serta Pengiran Datin dan Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Jefri bin Pengiran Haji Abdul Hamid dan Datin.

Pada majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan untuk menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan dan disusuli dengan sesi bergambar ramai. Sambutan Hari Puja Usia DYTMM turut dimeriahkan dengan Majlis Memotong Kek yang diiringi dengan nyanyian Puja Usia yang disampaikan oleh pasukan koir terdiri daripada pegawai-pegawai PPDB.

DYTMM seterusnya berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Pesuruhjaya Polis PPDB. DYTMM serta kerabat diraja kemudiannya dijunjung ke pentas bankuet bagi Majlis Santap. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTMM seterusnya disembahkan dengan para Pegawai Peralihan Inspektor Skuad 1 dan 2 yang telah dinaikkan pangkat daripada anggota pangkat rendah juga Pegawai-pegawai Inspektor Percubaan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang) di JPM, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhamad Sazali bin Pengiran Haji Yakob.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah bersama paduka-paduka adinda DYTMM berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-47 Tahun (atas).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan memotong kek Hari Puja Usia pada majlis tersebut (atas).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan dan disembahkan dengan para Pegawai Peralihan Inspektor Skuad 1 dan 2 yang dinaikkan pangkat daripada anggota pangkat rendah juga Pegawai-pegawai Inspektor Percubaan (kiri sekali dan kiri).

Majlis Santap Petang sempena Hari Puja Usia



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan disembahkan kepada para Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan memotong kek Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Ke-47 Tahun pada Majlis Santap Petang sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Ke-47 Tahun anjuran Kementerian Pertahanan dan ABDB (atas kiri dan atas).

BOLKIAH GARISON, Rabu, 17 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan

berangkat ke Majlis Santap Petang sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Ke-47 Tahun yang dianjurkan oleh Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), hari ini.

Berangkat mengiringi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri ialah

paduka-paduka adinda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Kapten (Udara) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan YTM Paduka Seri

Pengiran Anak Isteri serta kerabat diraja di Mes Pegawai Bolkiah Garison dijunjung oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat.

Semasa majlis tersebut, DYTM dan YTM menyertai sesi bergambar ramai dan seterusnya disembahkan kepada Pegawai-pegawai ABDB yang terdiri daripada Pasukan Pemantau Antarabangsa (PPA) Ke-16 Negara Brunei Darussalam ke Mindanao, Republik Filipina; anggota ABDB yang mengikuti

Penugasan Misi Pengaman di dalam Malaysia Battalion (MALBATT 850-7) bagi Misi United Nations Interim Force In Lebanon (UNIFIL); anggota ABDB yang mengikuti Penugasan Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) ke Mindanao, Republik Filipina; penerima RBAF Commendation Award bagi Kursus Maktab Turus ABDB Ke-10 bagi Tahun 2020 dan pegawai-pegawai baharu ditauliahkan yang menerima anugerah-anugerah terbaik pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-19, Sekolah Pegawai Kadet ABDB.

DYTM kemudiannya disembahkan dengan tayangan klip video dan 'Buku Sejangkak Ristaan XIV' yang mengandungi koleksi gambar-gambar kenangan sempena Majlis-majlis Santap Petang sempena Sambutan Hari Puja Usia DYTM di ABDB dari tahun 2005 hingga 2020 dan seterusnya berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.

Acara diserikan lagi dengan Upacara Memotong Kek Hari Puja Usia DYTM diikuti dengan pesambah daripada pegawai dan kakitangan ABDB.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Ketua Jabatan Agama ABDB, Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim dari Tentera Laut Diraja Brunei.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama paduka-paduka adinda DYTM menadah tengah semasa Doa Kesyukuran dibacakan pada Majlis Santap Petang berkenaan.



DULI Yang Teramat Mulia disembahkan dengan 'Buku Sejangkak Ristaan XIV' yang mengandungi koleksi gambar-gambar kenangan sempena Majlis-majlis Santap Petang sempena Sambutan Hari Puja Usia DYTM di ABDB dari tahun 2005 hingga 2020 dan juga pesambah (kiri dan tengah), sementara gambar kanan, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Ketua Jabatan Agama ABDB, Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim dari Tentera Laut Diraja Brunei.

YSHHB memperingati Hari Puja Usia DPMM



Oleh :
Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto :
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-47 Tahun dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) merupakan pesambah yang berkekalan dalam bentuk yayasan amal yang disembahkan oleh YSHHB bersempena dan pada memperingati Pemasalahan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menjadi DTYM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada 17 Rabiulakhir 1419 Hijrah bersamaan 10 Ogos 1998 Masihi. Manakala DANA ditubuhkan pada 4 Jamadilawal 1429H bersamaan 25 Ogos 1998M.

Juga hadir, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah DANA; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan Timbalan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Turut hadir, Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB, Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA serta para jemputan khas yang di antaranya adalah sebahagian para penyumbang tetap DANA, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB serta guru-guru Sekolah YSHHB.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) semasa menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib, diimamkan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-47 Tahun yang diadakan oleh YSHHB selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim mengadakan

Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-47 Tahun yang berlangsung di Kompleks YSHHB, di ibu negara.

Berangkat pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku




DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik selaku Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB semasa bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai dikepalai oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili.



DULI Yang Teramat Mulia menadah tangan ketika doa dibacakan (atas), sementara gambar kanan, antara yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran tersebut.



Doa Kesyukuran AMBD sempena Puja Usia DPMM



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) (tengah) pada Majlis Doa Kesyukuran yang diadakan oleh AMBD.

BERAKAS, Khamis, 18 Februari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD Ke-47, bertempat di Masjid Sufri Bolkiah, Kampung Burung Pingai Berakas, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD; Timbalan Mufti Kerajaan, Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain; juga pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, dipimpin oleh Imam Masjid Sufri Bolkiah, Awang Haji Mohd. Zahid bin Haji Mohd. Zain, yang diteruskan dengan Doa Khas Kesyukuran

bagi Duli Yang Teramat Mulia, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Sufri Bolkiah, Awang Mohd. Zulfadhli bin Haji Abdul Rahman.

Dalam mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menangani impak COVID-19, AMBD, di bawah kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia, terus komited dalam memastikan kestabilan sektor kewangan negara.

Dengan kerjasama industri dan pihak-pihak berkepentingan, langkah-langkah interim diperkenalkan untuk mengurangkan beban yang dihadapi oleh perniagaan dan individu terkecas.

Dalam mengembangmajukan sektor kewangan, sebuah kertas putih mengenai keadaan landskap semasa tempatan teknologi kewangan (FinTech) juga dikeluarkan, di mana antara lainnya mengandungi cadangan kerjasama di antara AMBD dan pihak-pihak berkepentingan untuk terus mengembangluaskan ekosistem FinTech, pada masa akan datang.

Selain itu, usaha giat untuk mengembangkan

kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam dan pada masa yang sama, mewujudkan persekitaran kewangan yang kondusif juga menyokong perkembangan pasaran kewangan yang lebih efisien dan kompetitif, program AMBD Islamic Bills atau Bills, juga diperkenalkan, di bawah kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



ANTARA yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD Ke-47.

juga memberikan panduan dalam merencanakan Pelan Strategik AMBD bagi tahun 2021 hingga 2025, di mana dengan adanya pelan tersebut AMBD akan terus

berusaha untuk memperkukuhkan lagi peranannya sebagai bank pusat negara selaras dengan mandatnya, di bawah Perintah AMBD, 2010.

Aming Gunawan Street Food Fest : Beri peluang PMKS tempatan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa melancarkan 'Aming Gunawan Street Food Fest' bersempena dengan bulan 'Februari : Stay Strong Brunei' (atas). Sementara gambar bawah, suasana pada Aming Gunawan Street Food Fest tersebut.

BERIBI, Jumaat, 19 Februari. - AIZ Management dengan sokongan ATHA Sdn. Bhd. mengadakan 'Aming Gunawan Street Food Fest' bersempena dengan bulan 'Februari : Stay Strong Brunei'.

Hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan festival tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan penyampaian derma kepada 11 anak yatim dari Sekolah Menengah Awang Semaun.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya melawat ke petak-petak pameran dan perusahaan-perusahaan jualan tempatan.

Pesta makanan 'Aming Gunawan Street Food Fest' dibukakan kepada orang ramai selama tiga hari, yang bermula hari ini hingga Ahad, 21 Februari 2021, di Aras Bawah, Kompleks Annajat, di mana para pengunjung berpeluang menikmati Konsep Makanan Jalanan dan membeli pelbagai jenis makanan tempatan, cenderamata, perkhidmatan dan makanan di kawasan terbuka dari jam 10.00 pagi hingga

10.00 malam.

Objektif utama acara diadakan adalah untuk memberikan peluang kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan untuk aktif dalam industri makanan dan minuman, lebih-lebih lagi pada hujung minggu.

Acara ini juga sebagai penanda aras untuk melakukan jualan hebat dengan promosi membeli barang, iaitu bantal hotel serendah BND5 setiap satu.

Ia juga dapat meningkatkan kepercayaan diri dan potensi yang cukup, membantu mereka berkembang dari bawah sehingga ke tahap seterusnya, juga mengembang luaskan lagi jenama yang sedia ada kehadiran perniagaan mereka.

Dalam masa yang sama, ia juga

Oleh : Rohani Haji
Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

untuk membangunkan generasi muda dalam kemahiran profesional dan mengurangkan jumlah kemiskinan dalam negara.

Malah ia merupakan jalan bagi para pelancong untuk melihat budaya dan kepelbagaian Negara Brunei Darussalam itu sendiri dan menambah nilai bagi industri makanan dan minuman Brunei juga ekonominya.

Sehubungan itu, orang ramai dialu-alukan untuk datang dan menyokong PMKS tempatan dan para pengunjung juga dihiburkan dengan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan untuk menimba pengetahuan, mengetahui menu makanan tempatan, aktiviti kanak-kanak, seperti Kejohanan Beyblade, kereta api mini dan menunggang beca, mini go kart dan banyak lagi.

Pembeli juga digalakkan untuk membawa barang sendiri yang boleh digunakan semula, seperti straw, beg membeli-belah, kontena, alat makanan dan botol dalam usaha untuk mengurangkan penggunaan plastik dan menjaga persekitaran bersih.

Adalah diingatkan kepada para pengunjung untuk memastikan penjarakan sosial satu meter, kerap membersihkan tangan, menggunakan sungkup muka dan mengimbas Kod QR BruHealth.



COVID-19 : 2 masih dirawat

Dari muka 1

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 330 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 97,580 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini		Jumlah Keseluruhan Kes	
0		185	
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
1	2	3	180

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (289 hari yang lalu)	44 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
718	13,146

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
330 sampel	97,580

Minggu Gastronomi Brunei dilancarkan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyampaikan hadiah kepada Mulia Hotel yang berjaya memenangi Anugerah bagi 'Best Starter' dengan hidangan 'Grilled Prawn bersama Coconut Kerabu'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Semua penyedia perkhidmatan pelancongan digalakkan untuk melihat bukan hanya sekadar menyediakan lawatan pakej biasa tetapi melihat lebih banyak inisiatif, komuniti atau ekopelancongan berdasarkan pengalaman serta lawatan yang berkesinambungan untuk menjadikan penawaran pelancongan lebih menarik bagi pengunjung domestik dan antarabangsa.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apeng berkata demikian semasa melancarkan Minggu Gastronomi Brunei 2021 Ke-5 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-37, Tahun 2021, bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), di sini.

Bukan itu sahaja, tambah Yang Berhormat, hidangan makanan boleh sahaja menjadi dorongan

utama bagi para pengunjung ketika memilih destinasi untuk dikunjungi.

Justeru, pelancongan gastronomi, ujar Yang Berhormat, semakin berkembang hingga merangkumi aktiviti-aktiviti di luar hidangan masakan sahaja.

Menurut Yang Berhormat lagi, ini termasuklah menghadiri acara makanan dan festival; melawat pasar tempatan; menyertai kelas-kelas memasak; mengadakan lawatan makanan; dan belajar tentang pengeluaran makanan dengan melawat ladang dan pengeluar makanan (*farms and producers*).

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian anugerah kepada para pemenang Minggu Gastronomi Brunei 2020 dan sijil-sijil penyertaan yang disampaikan oleh Yang Berhormat.

Mulia Hotel berjaya memenangi anugerah bagi 'Best Starter' dengan hidangan 'Grilled Prawn with Coconut Kerabu', manakala 'Best Main Course' diraih oleh Anjung Saujana Restaurant dengan

hidangan 'Coconut Seabass', diikuti dengan 'Best Dessert' yang dimenangi oleh The Horizons Seafood Restaurant dengan hidangan 'Coconut Madness'.

Tema Minggu Gastronomi Brunei kali ini ialah 'Selera Bruneiku' yang merupakan kesinambungan Kempen Pelancongan Domestik yang dilancarkan pada 4 November 2020 lalu dengan menentang masakan tempatan yang boleh didapati di keempat-empat daerah di negara ini.

Minggu Gastronomi Brunei 2021 akan berlangsung mulai 23 Februari hingga 9 Mac 2021, yang disertai oleh 16 buah hotel, restoran dan pengendali-pengendali makanan dengan mempromosikan hidangan khas (*signature dish*) mereka sendiri, antaranya 'Bamboo Chicken' oleh Sumbiling Eco Village; 'Daging Salai Masak Lemak' oleh IBTE School of Hospitality and Tourism dan 'Bidari Grilled Organic Chicken' oleh Eco Ponies.

Agensi-agensi lain yang turut serta dalam Minggu Gastronomi Brunei 2021 ialah The Lanes Hotel; Wafa Hotel and Apartment; AZ Back to Nature; Mulia Hotel; Eco Ponies Garden; Sumbiling Eco Village; Radisson Hotel Brunei Darussalam; The Rizqun International Hotel; Nona Manis Food Industries; The Capital Residence Suites; The Empire Brunei; Anjung Saujana Restaurant; IBTE School of Hospitality and Tourism; Stoneville Hotel; Manna Wa Salwa Cafe; dan Spoonfull Restaurant.

Pada tahun ini, Minggu Gastronomi Brunei 2021 juga akan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

menampilkan cef-cef muda yang menerima pengikut (*followers*) di media-media sosial sejak tahun-tahun kebelakangan ini dengan hidangan mereka tersendiri, iaitu Muris, U'zaiz; Terry's Supper Club oleh Terry Wong; Plat Du Jour oleh Aziz Mokhsen; dan Karbs.bn by Kahar El-Fiarra, di mana hidangan masakan para peserta ini akan dipamerkan semasa acara khas yang akan berlangsung pada 6 dan 7 Mac 2021 di Avenue 41 di Kiarong.

Objektif acara tersebut adalah untuk memberi kesedaran mengenai masakan-masakan Brunei, di samping mendorong lebih banyak hotel dan restoran untuk menyajikan masakan Brunei dengan cara yang lebih canggih.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan lagi rasa dan meningkatkan penyampaian hidangan Brunei untuk disajikan sebagai sebahagian daripada pengalaman menjamu selera atau semasa majlis resepsi yang diadakan di dalam atau di luar negara; serta untuk memberikan pengalaman gastronomi Brunei yang unik kepada pengunjung di dalam atau di luar negara.

KSSUP bekerjasama dengan Persatuan Hotel-Hotel Brunei (BAH) dan Syarikat Anugerah Makanan Brunei (Brunei Food Awards - BFA) untuk menjemput beberapa buah hotel dan restoran

di NBD untuk menyertai acara pada tahun ini.

Syarikat BFA juga akan menjadi hakim untuk Anugerah Gastronomi Brunei 2021 berikutnya yang menilai pelaksanaan, penampilan, rasa dan tema khusus yang mereka pilih. Pemenang akan diumumkan pada Minggu Gastronomi Brunei pada tahun 2021.

Acara ini disokong oleh Lembaga Pelancongan Brunei, BAH, Persatuan Ejen Perjalanan Brunei (Association of Travel Agents Brunei), Syarikat BFA, The Creative Core BN, Avenue 41, Kumpulan Riza, Radio Televisyen Brunei (RTB), juga media tempatan.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk merasakan sendiri kulineri dan masakan Brunei di hotel-hotel dan restoran yang menyertainya.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Maklumat lanjut mengenai Minggu Gastronomi Brunei 2021 boleh didapati di laman sesawang bruneitourism.com/bgw2021.



YANG Berhormat semasa meninjau makanan yang disajikan semasa Minggu Gastronomi Brunei 2021 Ke-5.

COVID-19 : 1 kes sembuh

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Brunei Darussalam (NBD) Khamis, 18 Februari. - Negara alhamdulillah mencatatkan sifar

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	185		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
1	3	3	179

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (288 hari yang lalu)	44 Kes

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
711	13,133

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
585 sampel	97,250

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, sebanyak 185 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 288 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Menurut Kementerian Kesihatan, satu kes dilaporkan sembuh, manakala tiga kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes import setakat ini sebanyak 44 kes dan kes yang sembuh adalah seramai 179 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 711 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 13,133 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 585 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 97,250 ujian.

Tiada jangkitan varian Afrika Selatan didapati

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Februari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai pengesanan varian Afrika Selatan bagi salah satu kes yang dilaporkan pada bulan Januari 2021.

Kes tersebut adalah satu kes yang diimport dari United Kingdom dan pada masa ini, berada dalam keadaan baik setelah disahkan sembuh dan dibenarkan pulang ke rumah, pada penghujung bulan Januari 2021.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak berasa cemas dengan perkembangan terbaharu ini.

Pihak Kementerian Kesihatan mengambil langkah-langkah pengawalan yang diperlukan untuk memastikan jangkitan ini tidak merebak.

Hasil aktiviti *surveillance* setakat ini, tidak mendapati sebarang kejadian jangkitan yang berkaitan dengan kes ini, di Negara Brunei Darussalam.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan,

iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia



Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan

Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM Ke-47.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen ialah Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Peguam Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM Ke-47 (atas), sementara gambar kiri dan bawah kiri, antara yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran berkenaan.

Laila Utama Haji Awang Isa.

Turut hadir ke majlis tersebut, Ketua Hakim Syarie, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Setiausaha - setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha tetap, Ketua-ketua Jabatan serta pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan diikuti Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh

Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Md. Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran. Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis tersebut dikendalikan oleh Pejabat Undang-Undang, Bahagian Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang, JPM dengan usaha bersama Institut Perkhidmatan Awam.



Pesanan buat penumpang, pengendali perahu

Siaran Akhbar :
Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Dalam memastikan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37 berjalan dengan lancar, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) ingin mengingatkan kepada pengusaha-pengusaha kapal dan penumpang agar berwaspada, berhati-hati serta mematuhi keselamatan ketika menggunakan perkhidmatan pengangkutan air khususnya semasa berlangsungnya Sambutan Hari Kebangsaan yang akan diadakan di ibu negara.

Pengendali perahu tambang dan penumpang dimestikan untuk menggunakan jaket keselamatan walaupun dalam perjalanan yang pendek dan pengendali perahu juga perlu memastikan jaket keselamatan berada dalam keadaan yang baik serta mengelakkan beban yang berlebihan.

Bagi kesemua bentuk perkhidmatan di atas air, terutamanya kapal, yang mudah terdedah kepada bahaya, cuaca yang tidak menentu dan keadaan air yang tidak stabil, justeru, jaket keselamatan dapat membantu pemakai khususnya penumpang untuk terus bertahan, terapung sehingga mereka dapat diselamatkan dengan mudah.

Jaket keselamatan adalah nadi utama untuk keselamatan dan salah satu peraturan penting yang perlu ada di dalam perahu atau mana-mana perkhidmatan pengangkutan di atas air. Sebagai tambahan, pengusaha kapal atau perahu mesti mematuhi peraturan keselamatan dan syarat yang dikuatkuasakan oleh MPABD.

Dengan mematuhi tip dan prosedur semasa berada di perahu dengan selamat yang dikuatkuasakan oleh MPABD, kita boleh bersama-sama mengurangkan risiko bagi mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan daripada berlaku.

COVID-19 : 1 kes baharu disahkan

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seramai 185 orang.

Kes 185 ialah seorang lelaki berumur 23 tahun yang tiba ke negara ini dari Afrika melalui Dubai dan Kuala Lumpur pada 3 Februari 2021. Pengesanan kontak (*contact tracing*) mendapati tiada ada kontak

terdekat bagi kes ini memandangkan beliau telah dikuarantin sebaik sahaja tiba ke negara ini dan keseluruhan pengendalian perjalanan semasa ketibaan dan pengasingan diri beliau mengikut Standard Operation Procedure (SOP) yang sedia ada. Pada ketika ini, kes sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat

ini, NBD mencatatkan 287 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 44 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, seramai empat kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan kesemua kes aktif yang sedang dirawat di pusat berkenaan adalah berada dalam keadaan yang baik. Seterusnya, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa alhamdulillah, satu kes disahkan telah sembuh menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 178 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 666 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 13,091 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 461 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 96,665 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
1	185		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
1	4	3	178

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (287 hari yang lalu)	44 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
666	13,091

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
461 sampel	96,665

Sokong kerjasama tenaga hijau, kepelbagaian ekonomi



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (dua, kanan) mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Datin pada Majlis Resepsi sempena Memperingati Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Maharaja Jepun Ke-61.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Jepun akan terus menyokong usaha Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam mempelbagaikan ekonomi dan memupuk *green society* melalui kerjasama dalam sektor tenaga hijau, seperti Projek Demonstrasi persatuan syarikat Jepun, AHEAD, bagi penghasilan hidrogen dan kerjasama dengan Mitsubishi Corporation dalam sumber tenaga solar.



SEBAHAGIAN daripada jemputan yang hadir pada Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Maharaja Jepun Ke-61.

Selain itu, Jepun juga akan terus bekerjasama dengan negara-negara lain termasuk NBD, memimpin usaha antarabangsa pada COP26 (Persidangan Perubahan Iklim Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu - UN Climate Change Conference) tahun ini dan seterusnya untuk merealisasikan dunia dekarbonisasi (*decarbonized*).

Perkara tersebut dinyatakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Eiji Yamamoto pada Majlis Resepsi sempena Memperingati Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Maharaja Jepun Ke-61 yang berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menerima cenderahati daripada Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam pada majlis berkenaan.

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Tuan Yang Terutama juga menyampaikan ucapan penghargaan atas kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menangani pandemik yang melanda pada tahun lalu dan atas kerja keras dan dedikasi Menteri Kesihatan serta pasukannya sebagai pekerja kesihatan barisan hadapan dalam menjaga keselamatan rakyat negara ini.

TYT seterusnya mengucapkan tahniah sempena NBD menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun ini, dengan tema 'We Care, We Prepare, We Prosper' adalah sangat relevan dan tepat pada waktunya, dan Jepun menyokong sepenuhnya usaha-usaha NBD sebagai Pengerusi ASEAN.

TYT turut menyentuh mengenai keistimewaan musim panas

yang akan datang, di mana kerajaan Jepun bersama International Olympic Committee komited sepenuhnya untuk mengadakan Sukan Olimpik Tokyo dan Sukan Paralimpik seperti dijadualkan, sambil mengutamakan kesihatan dan keselamatan semua atlet dan penonton juga atlet NBD adalah dialu-alukan untuk berkunjung ke Tokyo.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan NBD dan Jepun, diikuti dengan ucapan TYT, seterusnya penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat dan Datin.

Majlis Resepsi diserikan dengan tayangan video aktiviti-aktiviti belia tempatan dalam acara pertukaran di antara rakyat melalui sukan, budaya dan pendidikan yang telah dilaksanakan secara maya.

Majlis juga disertai oleh wakil syarikat-syarikat Jepun yang berpusat di negara ini, dengan petak pameran dan produk buatan tempatan yang dieksport ke pasaran Jepun.

3 produk keluaran Li-Chuan Golden Summit mengandungi DNA khinzir

Siaran Akhbar :
Jabatan Hal Ehwal Syar'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Syar'iah (JHES) mengadakan pemeriksaan secara rawak bagi beberapa produk bebola import, yang dijual di semua pasar raya dan kedai, di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Produk-produk tersebut dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Sainifik, Kementerian Kesihatan untuk dianalisa.

Jabatan Perkhidmatan Sainifik mendapati bahawa sebanyak tiga produk keluaran Li-Chuan Golden Summit, beralamat 40 Woodlands Terrace, Singapore, positif mengandungi DNA khinzir.

Produk-produk tersebut, bebola

ikan (*fish ball*); bebola sotong (*cuttlefish ball*); dan bebola kulat (*mushroom ball*).

Di samping itu, JHES juga menghantar sampel produk jenama Li Chuan Golden Summit yang lain, termasuk produk-produk bebola jenama lain ke Jabatan Perkhidmatan Sainifik, Kementerian Kesihatan untuk dianalisa.

Oleh itu, bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, JHES telah mengarahkan semua pasar raya dan kedai, di NBD untuk mengasingkan produk-produk tersebut dengan serta merta dari tempat penyimpanan umum dan diletakkan di tempat atau ruangan 'Non-Halal'.

Walau bagaimanapun, sesuai dengan hukum Syarak apabila

sesuatu itu meragukan ia jatuh kepada *syubhah*, maka semua produk lain jenama Li Chuan Golden Summit juga diarahkan untuk diasingkan, sementara menunggu keputusan analisa saintifik mengenainya.

Berikutan itu, arahan turut dikeluarkan kepada semua pemegang Sijil Halal dan Permit Halal untuk memberhentikan serta merta penggunaan produk Li Chuan Golden Summit dalam menu makanan atau ramuan produk mereka.

Pada masa ini, JHES melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal sedang giat melaksanakan lawatan ke premis-premis yang pernah menggunakan produk-produk Li Chuan Golden Summit tersebut untuk melakukan penyertuan.

Sehubungan itu, para pengguna, beragama Islam, di negara ini, adalah dikehendaki untuk menjauhi dan tidak memakan produk ini.

SEMUA KUMPULAN DARAH DIPERLUKAN

O+	A+
PERMINTAAN	PERMINTAAN
RENDAH!	RENDAH!
B+	AB+
PERMINTAAN	PERMINTAAN
RENDAH!	RENDAH!

Individu yang ingin menderma bolehlah mengunjungi Pusat Pendermaan Darah atau tabung darah yang berdekatan semasa waktu beroperasi atau semasa kempen derma darah bergerak.

Waktu Beroperasi: Isnin - Khamis & Sabtu
8 AM - 11.45 AM | 1.30 PM - 4 PM
Hari Kelepasan Awam : Tutup

Dikemaskini 18 Feb 2021

PUSAT PENDERMAAN DARAH
HOSPITAL RIPAS, BRUNEI
2242424 EXT 5745

BND23,800 disumbangkan ringankan beban mangsa kebakaran



Oleh : Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa menyampaikan sumbangan daripada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada ketua-ketua keluarga mangsa kebakaran (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Februari. - Selaras dengan dasar penubuhannya, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) terus melaksanakan aktiviti kebajikan, khususnya membantu mereka yang sangat memerlukan. Sehubungan itu, hari ini, YSHHB menyampaikan

sumbangan kewangan berjumlah BND23,800 kepada dua buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah, di Daerah Brunei dan Muara, baru-baru ini. Bantuan dilaksanakan dengan segera bagi meringankan beban mangsa yang terlibat dalam

meneruskan kehidupan harian mereka.

Ketua-ketua keluarga mangsa kebakaran yang menerima sumbangan daripada YSHHB, Dayang Puasa @ Kasmah binti Haji Kasim, Kampung Manggis Satu; dan Awang Haji Ismail bin Haji Abdul Kadir, Kampung Lambak Kiri.

Penyampaian sumbangan daripada YSHHB disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-Bantuan YSHHB.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abd. Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Projek Infaq Lillah bantu golongan kurang berkemampuan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri) semasa menyampaikan sumbangan kepada penerima pada Majlis Pelancaran Projek Infaq Lillah.

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Jumaat, 19 Februari. - Projek Infaq Lillah adalah sebagai satu tanggungjawab sosial Ahli Jawatankuasa Takmir (AJK),



PEGAWAI Ehwal Masjid Kampung Penanjong, Awang Noraffindy bin Norsabah selaku Pengerusi Majlis semasa berucap.

jemaah dan Penduduk Kampung Penanjong, sebagaimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud, "Orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara ghaib yang tidak kelihatan oleh mereka, seperti hari kiamat, syurga dan neraka dan mereka yang mendirikan sembahyang dengan sempurnanya dan membelanjakan sebahagian rezeki yang dikurniakan kepada mereka". (Surah Al-Baqarah, ayat 3 hingga 4).

Pegawai Ehwal Masjid Kampung Penanjong, Awang Noraffindy bin Norsabah selaku Pengerusi Majlis menyatakan perkara itu, pada Majlis Pelancaran Projek Infaq Lillah, yang berlangsung di kawasan lapang Masjid Kampung Penanjong, di sini.

Menurutnya, projek tersebut merupakan inisiatif bagi

SEBAHAGIAN barangan sumbangan Projek Infaq Lillah tersebut.

meringankan beban golongan sasaran yang kurang berkemampuan, khususnya penduduk kampung berkenaan.

Inisiatif ini, katanya, dilaksanakan dengan menghulurkan bantuan berbentuk keperluan asasi dan makanan harian sahaja.

Antara lain tujuan projek tersebut diadakan adalah untuk menjadikan masjid berfungsi sebagai pusat wadah penyampaian amal jariah AJK, jemaah dan penduduk kampung.

Dalam masa yang sama, ia juga bertujuan bagi menjalankan tuntutan *hablumminallah wa hablumminannas*, iaitu untuk menghilangkan persepsi negatif terhadap golongan yang kurang berkemampuan, di samping memupuk sikap ikhlas berkorban dan berkongsi harta dan rezeki daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apang selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya dan Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong.

Lebih 20 penduduk kampung tersebut menerima sumbangan Projek Infaq Lillah berkenaan yang merupakan anjuran AJK masjid, jemaah masjid dan Penduduk Kampung Penanjong.



Penutupan sementara Ujian Swab, Talian 148, 23 Februari

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Februari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai penutupan sementara bagi Ujian Swab, di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Talian Nasihat Kesihatan 148.

Ujian Swab, di Kompleks Sukan, Hospital RIPAS dan Talian Nasihat Kesihatan 148 akan ditutup sementara, pada Selasa, 23 Februari 2021.

Walau bagaimanapun, orang ramai yang ingin mendapatkan Ujian Swab, pada 23 Februari 2021, bolehlah mendapatkan ujian berkenaan, di Pusat Kesihatan Berakas, bermula dari 2.00 petang hingga 5.30 petang.

Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi daripada perubahan waktu operasi tersebut.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123, pada bila-bila masa.

Perkhidmatan	Tarikh Penutupan
Ujian Swab di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Talian Nasihat Kesihatan 148	23 Februari 2021 (Hari Selasa)



Menjayakan Wawasan Negara

bergema dan mengiringi kemuncak hari bersejarah bagi negara kita Brunei Darussalam yang dipimpin dan dilaungkan oleh paduka ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, diikuti pula laungan takbir itu oleh laungan seluruh rakyat memuji kebesaran Ilahi. Dengan berkemundangnya laungan takbir yang menjadi simbol kemenangan umat Islam maka lahirlah Negara Brunei Darussalam dengan nikmat kemerdekaan yang benar-benar dapat dirasakan oleh seluruh rakyat dan penduduknya hingga ke hari ini.

Dengan pengisytiharan kemerdekaan ini, maka detik 1 Januari 1984 adalah tarikh bermula Brunei mengambil alih tanggungjawab antarabangsa sepenuhnya, dan rasmilah Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang penuh berdaulat lagi merdeka.

Tarikh kemerdekaan itu menjadi lebih bermakna apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah di dalam Pemasyhuran Kemerdekaan menegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua dan di bawah payung kepimpinan raja kita yang adil lagi bijaksana. Keamanan dan kesentosaan yang kita nikmati selama ini, adalah tidak lain dan tidak bukan adalah berpunca daripada kepimpinan raja yang sentiasa memayungi negara dengan menitikberatkan ajaran-ajaran Islam dan dijadikan sukut-sukat dalam memastikan setiap urusan tadbir dan pengurusan negara, pembangunan umat dan prasarana tidak menyimpang

dan terkeluar dari ajaran Islam yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 208 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu semua ke dalam agama Islam secara keseluruhan (dengan mematuhi segala hukum-hukumnya) dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu ialah musuh yang nyata".

Alhamdulillah, natijahnya negara kita terus menikmati kesejahteraan dan kesentosaan yang berpanjangan. Ini adalah berkat kita memberikan perhatian yang berat pada agama. Ajaran agama Islam terus diperhebat bukan sahaja dalam pentadbiran, tetapi juga dalam kehidupan rakyatnya. Dengan yang demikian, negara kita terhindar dari pelbagai kemelut dan musibah, seperti pengganas, huru-hara, perpecahan, ketidakstabilan politik dan ekonomi, bencana alam yang teruk dan seumpamanya.

Sebagaimana yang kita maklum, tema Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini ialah 'Menjayakan Wawasan Negara'. Wawasan Negara 2035 adalah gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pandangan baginda yang jauh ke hadapan memastikan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya, kehidupan yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Justeru, ke arah mencapai dan memastikan wawasan tersebut dapat dicapai dengan jayanya, kita hendaklah memanfaatkan semangat cinta kepada agama, raja dan bangsa, bersatu padu dan bersatu hati untuk taat setia kepada raja dan negara, menjunjung tinggi agama Islam dengan penuh iltizam. Setiap rakyat dan penduduk di bumi Darussalam yang bertuah ini perlu bersama-sama berganding bahu, menggembleng tenaga, mengambil peranan dan menjadikan diri mereka sebagai aset yang berguna dalam usaha untuk membangunkan negara bagi mencapai matlamat Wawasan 2035.

Daripada Abu Musa Al-Asyari Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Mukmin yang satu dengan lainnya bagaikan sebuah bangunan yang saling memperkukuh antara sebahagian dengan sebahagian yang lainnya. (Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sambil memasukkan jari-jari tangan ke jari-jari lainnya)". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sesungguhnya keamanan hidup dan keamanan bernegara itu akan lebih berkesan apabila rakyat dan penduduk di sesebuah negara itu sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, demi mempertahankan nikmat kemerdekaan negara kita yang tercinta ini dan bagi menzahirkan rasa syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat kemerdekaan ini, bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-37 Tahun ini, maka marilah kita beramai-ramai hadir ke masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, iaitu pada petang Isnin, 10 Rejab 1442 Hijrah bersamaan dengan 22 Februari 2021 Masihi bagi sama-sama menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Mudah-mudahan dengan doa yang kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, negara kita tetap kekal menjadi sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat dan menjadi sebuah negara Baldatun Thayyibatun Warrabun Ghafur, iaitu negara yang aman makmur dan Tuhan yang Maha Pengampun. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingati Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertiasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. Dialah yang mengurniakan rahmat kepada kamu dan malaikat-malaikat-Nya pula (berdoa memohonkan ampun bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan Dia adalah Maha Pengasih kepada orang-orang yang beriman". (Surah Al-Ahzab, ayat 41-43)

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152 :

Tafsirnya : "Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku (dengan taat mengerjakan suruhan-Ku) dan janganlah kamu mengingkari-Ku (dengan berbuat derhaka dan maksiat)".

Alhamdulillah, segala puji dan syukur, kita rafakkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kudrat dan iradat-Nya jua, kita pada tahun ini berpeluang lagi menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37.

Masihkah kita ingat? Lebih tiga dekad yang lalu laungan takbir "Allahuakbar" sebanyak tiga kali



Kempen Menderma Darah Kebangsaan

8 & 9 Mac 2021
(9.00 pagi — 12.00 tengahari)
Brunei Muara: Stadium Tertutup Kompleks Negara Hassanal Bolkiah

15 Mac 2021
(9.00 pagi — 12.00 tengahari)
Tutong: Dewan Kemasyarakatan, Tutong

16 Mac 2021
(9.00 pagi — 12.00 tengahari)
Temburong: Dewan Belalong

22 & 23 Mac 2021
(9.00 pagi — 12.00 tengahari)
Belait:
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kg. Pandan

Memberikan kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan menderma darah yang boleh menyelamatkan nyawa.



Bridging The Gap

22 Mac 2021

Daerah Brunei & Muara

Acara mengagihkan barang-barang keperluan dan asasi dan disedekahkan kepada keluarga-keluarga kurang mampu yang dikenal pasti.



منجايان واونن نگارا

MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 FEBRUARI 2021



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman selaku Pemangku Penghulu Mukim Serasa menerima Bendera NBD daripada Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Ibrahim.

Berita dan Foto :
Ihsan Pengiran Haji Ismail Pengiran Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Februari. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-37, Tahun 2021, Zon 2, Mukim Serasa dan Mukim Mentiri memulakan perayaan hari kebangsaan kali ini dengan Upacara Menaikkan Bendera

Mukim Mentiri naik-kibarkan Bendera Negara

NBD, baru-baru ini. Pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman selaku Pemangku Penghulu Mukim Serasa menerima Bendera NBD daripada Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Ibrahim.

Bendera Negara seterusnya diserahkan kepada Pemangku Ketua Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri, Kawasan I, Awang Haji Mutalib bin Haji Momin bersama Pemangku Ketua Kampung RPN Mentiri, Kawasan II, Awang Haji Bakar bin Haji Punggut untuk dinaik-kibarkan, di Pusat Kemasyarakatan Mentiri, di sini, dengan iringan Lagu Kebangsaan, 'Allah Peliharakan Sultan' dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis turut dihadiri oleh Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung, di bawah Zon 2, Mukim Mentiri.



PEMANGKU Ketua Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri, Kawasan I, Awang Haji Mutalib bin Haji Momin bersama Pemangku Ketua Kampung RPN Mentiri, Kawasan II, Awang Haji Bakar bin Haji Punggut menaik-kibarkan Bendera Negara, di Pusat Kemasyarakatan Mentiri dengan iringan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Peraduan Menulis dibukakan hingga 30 Jun

Oleh : Marlinawaty Hussin
Infografik : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Februari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perancangan Buku, pada masa ini, mengadakan Peraduan Menulis Folklor Tujuh Puak dan Sayembara Penulisan Novelet hingga tarikh tutupnya, pada 30 Jun 2021, 4.30 petang.

Sehubungan itu, dua Bengkel Penulisan Kreatif akan diadakan secara serentak, pada 23 hingga 25 Mac 2021, iaitu Bengkel Penulisan Cerita Folklor kedua; dan Bengkel Penulisan Novelet.

Bagi Sayembara Penulisan Novelet, ia dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap negara ini, berumur 16 tahun ke atas.

Antara syarat sayembara, manuskrip mestilah sesuai untuk bacaan masyarakat dengan tidak menyentuh isu-isu sensitif, perkauman, keagamaan, ras, politik, pornografi juga tidak menimbulkan polemik dan provokasi.

Manuskrip hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu sepenuhnya, menggunakan Sistem Ejaan Rumi terkini.

Panjang manuskrip tidak kurang 15,000 patah perkataan dan tidak lebih 40,000 perkataan.

Manakala bagi Peraduan Menulis Folklor Tujuh Puak, ia dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap negara ini, berumur 14 tahun ke atas.

Antara syarat peraduan, manuskrip hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu Standard yang mudah difahami dengan pencerapan dialog dialek tujuh puak.

Kandungan manuskrip hendaklah tentang cerita-cerita lisan (*folklor*) tujuh puak yang ada di negara ini, seperti *folklor* mengenai tempat, budaya, kehidupan, sosial dan adat bagi setiap puak.

Objektif peraduan-peraduan ini adalah bagi menghasilkan karya-karya yang berkualiti dan menepati sasaran pembaca, di samping menyasarkan pasaran yang luas, baik di dalam mahupun luar negara.

Selain itu, ia bertujuan untuk menggambarkan bangsa dan budaya juga mempertahankan warisan sepanjang zaman dan mengetengahkan folklor mengenai tujuh puak, di negara ini.

Borang dan karya hendaklah dihantar kepada Urus Setia Peraduan, Tingkat 1, Bahagian Perancangan Buku, DBP, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510.

Untuk maklumat lanjut pula, sila hubungi Urus Setia Peraduan menerusi talian +673 2382512 sambungan 179 atau 193 atau 197 atau 183 atau 187.

سایمبارا قنولیسین نوفلت
Sayembara Penulisan Novelet
Lima Hadaiah Penghormatan Berupa Wang Tunai

Syarat Sayembara

- Terbuka untuk orang ramai, guru-guru, mahasiswa dan mahasiswi, para pelajar di peringkat prauniversiti dan penggiat sastera.

TARIKH TUTUP
Hari Rabu
19 Zulkaedah 1442/30 Jun 2021
4.00 petang

Sila imbas kod QR

ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

قرادوان منولیس فوکلور توجوه قواق
Peraduan Menulis Folklor Tujuh Puak
Lima Hadaiah Penghormatan Berupa Wang Tunai

Syarat Peraduan

- Terbuka untuk orang ramai, penulis-penulis tanah air yang mapan dan baru.

TARIKH TUTUP
Hari Rabu
19 Zulkaedah 1442/30 Jun 2021
4.00 petang

Sila imbas kod QR

Borang dan karya hendaklah dihantar kepada:

Urus Setia Peraduan, Tingkat 1, Bahagian Perancangan Buku Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Jalan Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Negara Brunei Darussalam



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Urus Setia Peraduan di talian 2382511 sambungan 179, 193, 197, 183 atau 187

UBD, UNISSA, UTB anjur Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ihsan Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Rabu, 17 Februari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); bersama Universiti Teknologi Brunei (UTB), mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Membaca Surah Yaa Siin sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Yang Ke-47 Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pro Canselor UBD, Pro Canselor UNISSA, Pro Canselor UTB, yang berlangsung di Masjid Universiti,

UBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Juga hadir, Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; bersama Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; juga para tenaga akademik, pegawai, kakitangan, para mahasiswa dari UBD, UNISSA dan UTB.

Majlis didahului dengan Sembahyang Fardu Maghrib



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan (tiga, kiri) pada Majlis Doa Kesyukuran dan Membaca Surah Yaa Siin sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Yang Ke-47 Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pro Canselor UBD, Pro Canselor UNISSA, Pro Canselor UTB.

Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diimamkan oleh Imam

Masjid Universiti, Awang Mohammad Amirul Rahmad bin Haji Mohammad yang juga mengetuai bacaan Surah Yaa Siin

dan Doa Kesyukuran. Majlis merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh ketiga-tiga universiti berkenaan.

Kerja kecemasan penggantian injap air

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan orang ramai mengenai kemungkinan akan berlakunya gangguan bekalan air / tekanan air rendah yang disebabkan oleh kerja-kerja kecemasan penggantian injap air di Loji Rawatan Air Bukit Barun.

Kerja-kerja kecemasan ini akan dilaksanakan pada hari ini, 17 Februari 2021, jam 9.00 malam dan akan menjejaskan beberapa kawasan seperti Kampung Batong, Kampung Masin, Rancangan Perumahan Negara Perpindahan Lugu, Jalan Pasir Berakas serta kawasan sekitarnya.

Walau bagaimanapun, jabatan ini ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa setiap langkah telah diambil untuk menangani masalah tersebut dan jabatan berusaha untuk melaksanakan pembekalan air kembali seperti biasa secepat mungkin.

JKR juga ingin mengambil peluang ini untuk memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat di dalam penggunaan air serta menghubungi Talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui tanker atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

Sekali lagi, JKR ingin memohon maaf atas kesulitan yang dialami dan ingin merakamkan rasa syukur atas kefahaman dan kesabaran orang ramai.

Bantu kesan Ahammed Rone

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Muara menerusi talian telefon +673 2770140 dan juga boleh menghubungi Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja asing lelaki yang lari daripada majikan.

Butir-butir keterangan mengenainya adalah seperti berikut : Ahammed Rone, 24 tahun, warganegara Bangladesh dengan nombor pasport EA0276099.

Jika terdapat sebarang

AHAMMED Rone, 24 tahun, warganegara Bangladesh, yang dilaporkan lari daripada majikan.

Persatuan ReLA terima sumbangan 60 naskhah buku cerita

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Februari. - Persatuan Membaca dan Literasi Brunei (The Reading and Literacy Association - ReLA) dengan kerjasama Suruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam mengadakan sesi membaca buku bagi pelajar-pelajar sekolah rendah di negara ini.

Seramai 17 pelajar sekolah rendah, Tahun 1 hingga 3, dari Sekolah Rendah (SR) Kapok dan SR Mentiri juga pelajar-pelajar tadika dari Sekolah St. Andrew menyertai sesi membaca buku, antara lain bertujuan untuk mendorong tabiat membaca dalam kalangan kanak-kanak daripada peringkat sekolah rendah.

Dalam sebuah wawancara, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Jeanette Stovel menyatakan, bahawa ia merupakan salah satu aspirasi beliau untuk menyokong perkembangan literasi dalam kalangan kanak-kanak tempatan dan menganggap perihai ini boleh dipupuk dengan menggalakkan kebiasaan membaca dari pendidikan awal kanak-kanak tersebut.

Puan Yang Terutama turut memuji sektor pendidikan di NBD atas usaha berterusan yang sangat baik dalam meningkatkan perkembangan literasi di negara ini, dalam situasi yang beliau anggap serupa di negara tempat asal beliau, iaitu Kanada.

Sementara itu, Presiden Persatuan ReLA, Dr. Malai Zeiti binti Sheikh Abdul Hamid juga berharap, lebih banyak organisasi kerajaan dan bukan kerajaan akan terus memberikan komitmen dengan mengadakan pelbagai usaha bagi meningkatkan kompetensi literasi dan kemahiran membaca dalam kalangan generasi muda di negara ini.

Beliau juga berharap agar Persatuan ReLA akan terus menjadi platform berkesan untuk kolaborasi berterusan bersama pelbagai agensi tempatan dan



PUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam semasa sesi membaca buku bagi pelajar-pelajar sekolah rendah di negara ini.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Membaca dan Literasi Brunei - ReLA

antarabangsa, dalam masa yang sama, untuk memupuk pertukaran pengetahuan dan budaya di antara agensi-agensinya ini.

Acara ini diserikan dengan pemberian sebanyak 60 naskhah buku cerita daripada Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD kepada Persatuan ReLA.

Acara ini dihadiri oleh guru besar dan wakil dari sekolah-sekolah yang mengambil bahagian.

Turut hadir bagi menyokong acara tersebut, Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Brunei, Puan Yang Terutama Nahida Rahman Shumona.

Darussalam Holdings, Icklebooks dan Persatuan ReLA turut menyumbang sejumlah buku

untuk wakil-wakil sekolah dan para pelajar yang hadir.

Sesi membaca buku tersebut berlangsung di Ibu Pejabat Persatuan ReLA, di Kampung Tungku, Gadong.

Persatuan ReLA merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan, bertujuan untuk mengembangkan lagi kemahiran literasi dan membaca para belia di negara ini, selain menyokong aspirasi literasi Kementerian Pendidikan, di Negara Brunei Darussalam.

Persatuan ReLA terlibat secara aktif dalam mengadakan aktiviti-aktiviti membaca, berpidato dan memberikan sumbangan buku-buku juga turut menganjurkan pelbagai aktiviti literasi, di negara ini.

Zahir kecintaan kepada raja, bangsa, negara



RA'ES KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar hadir pada Majlis Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021 di pekarangan hadapan KUPU SB.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Majlis Menaikkan Bendera Kebangsaan merupakan antara inisiatif Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan menjadi simbolik bagi warga KUPU SB selaku rakyat jati Melayu Islam Beraja (MIB) yang sentiasa taat setia dan tidak berbelah bahagi kepada Canselor KUPU SB, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar semasa ditemui melahirkan kesyukuran dan berbangga menjadi warganegara dan rakyat, di mana dengan acara seumpama

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

itu merupakan salah satu cara mengekspresikan ketaatan kepada raja dan kecintaan kepada negara melalui bendera.

Semasa ditemui selepas Majlis Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-37, Tahun 2021 di pekarangan hadapan KUPU SB di sini, Dr. Haji Adanan menyatakan bahawa KUPU SB melatih para pelajar yang bakal menjadi pendidik dan akan dilatarkan pengalaman itu untuk sama-sama meningkatkan patriotisme mereka sebagai jati diri mereka selaku rakyat dan penduduk di negara ini.

Bendera kebangsaan katanya, ibarat satu 'pakaian' yang rasmi dan selalu tersemat di hati bahawa kita adalah warganegara yang sentiasa merealisasikan kalimah suci yang terdapat di bendera kita, iaitu kita dan semua rakyat NBD sentiasa akan berusaha membuat ihsan dengan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau berharap mudah-

PARA peserta beruniform, terdiri daripada pelajar KUPU SB yang memeriahkan majlis tersebut.

mudahan semangat waja akan berterusan ke arah sama-sama membina dan membangun bangsa dan negara melalui pendidikan nanti. "Kita berdoa mudah-mudahan semua rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa dalam peliharaan Allah dan sentiasa berbuat ihsan dan akan menjadi sebagai negara yang aman damai hingga ke akhirnya nanti," doanya.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Asma 'ul-Husna dan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh Abdul Hadi Nasrullah bin Muhammad Ashraf diikuti penyerahan bendera yang disempurnakan oleh Ra'es KUPU SB dan seterusnya Upacara Menaikkan Bendera sambil menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' disusuli laungan 'Allahuakbar' sebanyak tiga kali.

Majlis turut disemarakkan dengan perbarisan lalu para peserta pembawa Bendera Besar, Majlis Perwakilan Pelajar, pasukan-pasukan beruniform, termasuk Kadet Tentera, Kadet Polis, Kadet Bomba, Persekutuan Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Pandu Puteri dan pelajar-pelajar KUPU SB.

HALUAN

Dari muka 2

3. MOD Digital Paradigm

Bagi mendukung hasrat kerajaan ke arah Digital Economy dan Smart Nation, Kementerian Pembangunan telah menerbitkan MOD Digital Paradigm Framework 2018-2023 sebagai usaha kementerian ini di dalam mendukung agenda Digital Economy Council khususnya bagi penggunaan teknologi di dalam penyediaan perkhidmatan dan projek-projek infrastruktur. InsyaaAllah dengan terlaksananya nanti, ianya akan dapat menambah baik perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada dan di dalam penyediaan infrastruktur dengan lebih efektif dan efisien melalui penggunaan teknologi yang terancang. Ianya juga diharap dapat menepati tahap piawaian dan ekspektasi orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

4. Brunei Climate Change Secretariat

Perubahan iklim merupakan di antara ancaman global yang paling mencemaskan pada masa ini, di mana suhu permukaan bumi yang semakin meningkat serta kenaikan paras laut yang semakin membimbangkan adalah petanda untuk kita bertindak dengan segera.

Alhamdulillah, negara kita telah pun mempunyai satu Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Climate Change Policy - BNCCP) yang menjadi dasar rasmi negara dalam mentadbir dan membentuk hala tuju ke arah negara yang rendah karbon (*low carbon emission*) dan kedayatahan (*resilience*) terhadap impak perubahan iklim.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang

Berhormat, tahun 2021 Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam telah mengisytiharkan sebagai 'Tahun Tindakan Iklim' (Year of Climate Action) sebagai satu usaha untuk memberi kesedaran dan meningkatkan kepentingan BNCCP dan pelaksanaannya yang berkesan dengan melibatkan semua pihak, termasuk orang awam, para belia, NGOs dan sebagainya untuk memainkan peranan bagi sama-sama mendukung Green Protocol melalui beberapa inisiatif yang telah dikenal pasti. Ke arah itu, Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam juga telah melancarkan buku Garispanduan Protokol Hijau pada 30 Januari 2021 bagi mengurangkan *carbon print* dalam premis-premis di sektor kerajaan. Dengan bantuan Jabatan Perkhidmatan Awam semua Jabatan-jabatan akan terlibat sama didalam mempromosikan operasi harian rendah karbon dengan melaksanakan amalan-amalan hijau melalui tujuh elemen utama dalam Protokol Hijau, iaitu :-

1. Penggunaan Tenaga;
2. Penggunaan Air;
3. Penggunaan Kertas;
4. Penggunaan Plastik;
5. Pembuangan Sisa-Sisa Pepejal;
6. Pengurusan Acara-Acara Rasmi; dan
7. Penanaman Pokok

Di antara elemen penting dalam garispanduan ini ialah untuk memastikan semua premis-premis kerajaan di negara ini tidak akan menggunakan botol-botol plastik dan menjadikan kawasan atau 'Zon Bebas Botol Plastik'. Di samping itu juga

setiap kementerian disarankan untuk menanam pokok di premis masing-masing atau di tempat-tempat yang telah dikenal pasti oleh pihak sekretariat, bagi mendukung program 'Kempen 26,000 Pokok Setahun' seperti yang terkandung di dalam Garispanduan Protokol Hijau.

5. Akta dan Peraturan (Acts and Regulations)

Beberapa penggubalkan akta dan peraturan baharu pada masa ini sedang dan telah dikemaskinikan dengan hasrat untuk memberikan impak positif dan menjaga kepentingan orang ramai seperti:

i. Peraturan Baru, iaitu Building Control Regulation 2020 (Composition of Offences) di bawah Perintah Kawalan Bangunan (Building Control Order), 2014 yang telah berkuatkuasa mulai 1 Jun 2020. Di mana Peraturan Kompaun ini memberi kuasa kepada pihak ABCi untuk mengenakan kompaun ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Building Control Regulations 2016 (Advertisement, Billboard and Signboard). Mana-mana orang perseorangan atau syarikat yang mempromosi iklan hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari ABCi sebelum memasang struktur dan memaparkan iklan, papan iklan atau papan tanda di Negara Brunei Darussalam.

ii. Pelaksanaan Pendaftaran Kaveat
Manakala pelaksanaan sebahagian daripada perintah (pindaan) bagi Perintah Kanun Tanah (2016) bagi pelaksanaan pendaftaran Kaveat khususnya Seksyen 5 yang telah dikuatkuasakan bermula pada 1 Januari 2021. Pelaksanaan kaveat ini

adalah dihasratkan untuk melindungi kepentingan pihak-pihak tertentu ke atas sebidang tanah dengan memasukkan atau mendaftarkan kepentingan itu ke Daftar Tanah. Dengan adanya kaveat ini, tuan punya tanah tidak boleh memindah milik, menjual, menggadai atau memajak tanah tersebut atau apa juga urusan yang akan menjejaskan kepentingan pihak-pihak yang telah mendaftarkan kaveat tersebut. Dengan berkuatkuasanya sebahagian daripada Perintah (pindaan) Kanun Tanah 2016 ini, ianya akan dapat meningkatkan lagi sistem pentadbiran tanah dan pembangunan di negara kita ini.

Sekianlah sahaja yang kaola / peramba / saya dapat dikongsikan setakat ini, banyak lagi perkara-perkara yang masih belum dapat disampaikan kerana masih di dalam peringkat penelitian pihak-pihak yang berkenaan di kementerian ini dan juga di kementerian-kementerian lain. Seperti pengurusan sumber air yang berdayatahan, penggunaan tanah yang optima, pelan induk pengurusan buangan pepejal, Smart City dan lain-lain lagi. InsyaaAllah jika keadaan mengizinkan dan semua penelitian telah dapat diatasi, pihak kementerian akan memaklumkan melalui permuzakarah atau pemaparan secara *roadshow* kepada orang-orang berkenaan dan sebagainya. Semoga permuzakarah kita pada hari ini bermanfaat dan dapat bergerak dengan lebih efisien lagi dalam mencapai hasrat negara 2035.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah Wasallamualaikum Warahmatullahi Wabarakattuh.*

Bantu tingkat stok bekalan darah



PENDERMA kali pertama, Dayang Nur Arqish Batrisyia binti Nordin berumur 18 tahun, berasa selesa dengan proses pendermaan darah dan berniat untuk menyambung aktiviti ini di masa akan datang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Februari. - Kementerian Kesihatan melalui Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, institusi pendidikan,



pasukan seragam, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan untuk menyelaraskan kempen-kempen bergerak pendermaan darah di kesemua daerah.

Sehubungan itu, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal hari ini menganjurkan Kempen Menderma Darah yang dikendalikan oleh Kesatuan Pelajar Kampus Sultan Saiful Rijal, berlangsung di Pusat Sumber Pelajar kampus berkenaan.

Sebanyak 29 pain darah berjaya dikumpulkan daripada para pelajar dan tenaga pengajar Kampus Sultan Saiful Rijal di sepanjang kempen tersebut yang juga dibukakan kepada orang ramai.

Seorang pelajar Teknologi Infokomunikasi (ICT) IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal berumur 18 tahun, Dayang Nur Arqish Batrisyia binti Nordin semasa ditemui mengongsikan

pengalaman pertama beliau menderma darah dalam kempen tersebut.

Beliau pada mulanya berasa sedikit gementar, namun atas galakan guru dan teman-teman, di samping mempersiapkan diri sebelum menderma, seperti mengisi perut terlebih dahulu dan tidur yang mencukupi, membolehkan proses pendermaan beliau berjalan dengan lancar.

Kempen merupakan salah satu usaha IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal untuk menyokong dan membantu Pusat Pendermaan Darah meningkatkan stok bekalan darah di negara ini bagi keperluan pesakit dalam berbagai-bagai keadaan, seperti yang memerlukan pemindahan darah dan produk darah setiap hari sama ada dengan segera atau secara berterusan; dalam keadaan biasa atau masa kecemasan, seperti kemalangan, trauma dan bencana.

Pusat Pendermaan Darah akan sentiasa aktif mempelawa dan menggalakkan pengelolaan kempen-kempen pendermaan darah secara sukarela bagi memperkasa dan memperluaskan lagi aktiviti seperti semata-mata untuk menarik lebih ramai lagi penderma darah, sama ada yang sedia ada atau yang belum pernah menyumbangkan darah.

PARA penderma terlebih dahulu menjalani pemeriksaan kesihatan untuk memastikan mereka dalam keadaan sihat dan boleh menderma darah (kiri). Sementara gambar atas kanan, antara yang ikut serta dalam kempen derma darah tersebut.



Penyertaan cipta logo dibukakan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Infografik : Ihsan Pejabat Wawasan Brunei,
Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Februari. - Rakyat dan penduduk tetap negara ini berpeluang memenangi hadiah wang tunai BND3,000 dengan menyertai Pertandingan Mencipta Logo Wawasan Brunei 2035 yang kini dibukakan bagi penyertaan orang ramai. Pertandingan ini dibukakan selama dua bulan bermula 7 Februari 2021 hingga 7 April 2021.

Objektif utama pertandingan ini adalah untuk mewujudkan tanda (*trademark*) tetap yang melambangkan identiti Wawasan Brunei 2035 agar mudah diingat, dikenal serta diguna pakai oleh orang ramai.

Di samping itu, ia juga bagi melibatkan rakyat dan penduduk tetap dalam memupuk penghayatan dan aspirasi rakyat mengenai masa depan Negara Brunei Darussalam (NBD), khususnya Wawasan Brunei 2035 serta menjadi sumber ristaan sejarah dalam usaha generasi masa kini dan akan datang untuk bersatu padu merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dengan berbandukan kepada nilai-nilai teras negara.

Borang penyertaan pertandingan, peraturan dan syarat penyertaan boleh diperolehi dengan memuat turun garis panduan pertandingan melalui laman sesawang Wawasan Brunei 2035 di www.wawasanbrunei.gov.bn atau mengimbas Kod QR yang disediakan.

Borang penyertaan yang lengkap bersama ciptaan logo hendaklah dihadapkan tidak lewat daripada Rabu, 7 April 2021, jam 4.00 petang ke Pejabat Wawasan Brunei Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3910, NBD.

Pemenang Mencipta Logo berkenaan akan menerima sebanyak BND3,000 berserta sijil penghargaan dan plak. Manakala pemenang tempat kedua hingga kelima juga akan diberikan sijil penghargaan dan plak.

Pertandingan dibukakan kepada Rakyat dan Penduduk Tetap NBD, di mana peserta dibenarkan menghantar seberapa banyak penyertaan dengan menggunakan satu borang penyertaan yang lengkap.

Logo-logo yang dipertandingkan hendaklah menggambarkan ciri-ciri berikut, iaitu yang pertama, hasrat dan aspirasi negara bagi ketiga-tiga matlamat Wawasan Brunei 2035. Manakala, kedua pula, kemajuan negara berteraskan konsep Melayu Islam Beraja dan seterusnya yang ketiga pula, perpaduan rakyat dan penduduk atau Whole of Nation ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035. Akhir sekali, ia hendaklah mudah (*simple*), futuristik, unik (*distinctive*) dan jelas.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di Pejabat Wawasan Brunei Aras 1, Bangunan JPM, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3910, NBD menerusi talian +673 2224645 sambungan 1149 atau +673 2220667 dan melalui e-mel di wb2035@jpm.gov.bn atau melayari laman sesawang www.wawasanbrunei.gov.bn.

Kempen Derma Darah diteruskan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Februari. - Kementerian Kesihatan, melalui Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan mengadakan Kempen Derma Darah pada minggu keempat bagi bulan Februari 2021.

Lokasi-lokasi kempen akan diadakan di The Core, Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada Isnin, 22 Februari 2021 (10.00 pagi hingga 3.00 petang). Seterusnya, di Blok 'B', Bangunan Pentadbiran,

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) pada Khamis, 25 Februari 2021 (10.00 pagi hingga 3.00 petang), Masjid Ar-Rahman, Tanjung Bunut pada Jumaat, 26 Februari 2021 (8.30 pagi hingga 11.00 pagi) dan di IBTE Kampus Mekanikal pada Sabtu, 27 Februari 2021 (9.00 pagi hingga 11.30 pagi). Kempen-kempen Derma Darah tersebut adalah dibukakan kepada penyertaan orang ramai.

Sehubungan ini, Pusat Pendermaan Darah pada ketika ini mengalami bekalan darah rendah

dan memerlukan semua kumpulan jenis darah bagi kegunaan pemindahan darah pesakit-pesakit di semua hospital-hospital kerajaan.

Dalam pada itu, orang ramai juga diingatkan untuk mengimbas Kod QR dan mengamalkan penjarakan sosial di tempat-tempat kempen derma darah diadakan.

Untuk maklumat lanjut atau membuat tempahan bagi mengadakan Kempen Derma Darah, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 2242424 sambungan 5745 / 6001 / 6002 atau e-mel kepada bloodbank@moh.gov.bn dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook di [@bloodbank.ripas](https://www.instagram.com/bloodbank.ripas).

TARIKH	MASA	TEMPAT	PENGANJUR
Isnin, 22 Februari 2021	10.00 pagi – 3.00 petang	The Core, UBD	UBD Corp Sdn Bhd
Khamis 25 Februari 2021	10.00 pagi – 3.00 petang	BI.05 & BI.06 Blok B, Bangunan Pentadbiran, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan	Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Jumaat, 26 Februari 2021	8.30 pagi – 11.00 pagi	Masjid Ar-Rahman, Tanjung Bunut	Masjid Ar-Rahman Tanjung Bunut
Sabtu, 27 Februari 2021	9.00 pagi – 11.30 pagi	IBTE, Kampus Mekanikal	IBTE Kampus Mekanikal



Gunakan pengimbas QR untuk memuat turun borang penyertaan.

Tarikh Tutup Penyertaan: 07 APRIL 2021

HADIAH WANG TUNAI BND \$3,000

JPES kendalikan Peringkat Pertama BPP 2021



PEGAWAI-pegawai Banci akan mengunjungi tempat-tempat kediaman dan menemu bual ketua dan ahli keluarga untuk mengumpulkan maklumat yang diperlukan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang mengendalikan Peringkat Pertama Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu Penyenaian Tempat Kediaman (House Listing) yang bermula pada 20 Januari 2021 dan dijadualkan akan berakhir pada 21 Februari 2021.

Pengendalian Peringkat Pertama ini melibatkan kesemua tempat-tempat kediaman di seluruh negara. Pegawai-pegawai Banci akan mengunjungi tempat-tempat kediaman untuk mengumpulkan maklumat yang diperlukan.

Antara maklumat yang dikumpulkan termasuk nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir dan nombor telefon bagi ketua dan setiap ahli isi rumah yang tinggal di rumah berkenaan. Seterusnya, Pegawai-pegawai Banci akan juga memasang pelekat bagi setiap tempat kediaman.

BPP 2021 meliputi semua orang, sama ada rakyat NBD, penduduk tetap atau penduduk sementara, di tempat tinggal biasa mereka, iaitu merujuk kepada mereka yang telah atau akan tinggal sebagai ahli biasa isi rumah bagi tempoh enam bulan atau lebih pada tahun 2021.

Secara umumnya, setakat ini, respons daripada orang ramai adalah sangat menggalakkan. JPES amat menghargai kerjasama yang diberikan daripada semua isi rumah, keluarga dan juga pelbagai pihak dalam menjayakan kerja-kerja luar BBP 2021 ini.

Dalam hal ini, jika terdapat isi rumah atau keluarga yang belum dikunjungi oleh Pegawai-pegawai Banci adalah disarankan untuk menghubungi JPES dengan segera.

Ketua atau ahli isi rumah adalah diingatkan supaya memastikan Pegawai Banci yang datang membuat lawatan adalah mereka yang telah dilantik oleh JPES dengan memeriksa pas banci, surat lantikan dan kad pengenalan mereka.

Mana-mana isi rumah yang mempunyai binatang peliharaan seperti anjing adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama dengan menambat atau mengurung anjing-anjing mereka semasa Pegawai-pegawai Banci membuat lawatan.

BPP 2021 dilaksanakan di bawah Akta Banci, Penggal 78 dari Undang-undang NBD. Akta Banci ini mewajibkan orang ramai menjawab semua soalan banci dan menjamin bahawa maklumat individu adalah disimpan sulit

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

dan dirahsiakan. Kegagalan untuk bekerjasama atau tidak mahu memberikan maklumat dikehendaki adalah satu kesalahan. Jika sabit kesalahan, boleh didenda sebanyak BND2,500 dan dipenjarakan selama enam bulan.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai BPP 2021 ini boleh dirujuk ke JPES seperti melalui talian telefon di +673 2230265 atau +673 2230250 (waktu

pejabat) Hotline : +673 838 2021, +673 838 2022 (Brunei Muara), +673 838 2023 (Belait), +673 838 2024 (Tutong), +673 838 2025 (Temburong), Talian Darussalam : 123 atau e-mel, support.brucensus@jpes.gov.bn.

Maklumat lanjut mengenai BPP 2021 juga boleh didapati di dalam Portal BPP 2021 www.brucensus.gov.bn. 'Pastikan awda dihitug untuk masa depan kitani'.

Siapa yang Diliputi?
di dalam Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021

BPP 2021 meliputi semua orang, sama ada rakyat Negara Brunei Darussalam, penduduk tetap atau penduduk sementara, di tempat tinggal biasa mereka, iaitu merujuk kepada mereka yang telah atau akan tinggal sebagai ahli biasa isirumah bagi tempoh enam (6) bulan atau lebih dalam tahun 2021.

Pastikan awda dihitug untuk masa depan kitani

SOKONGAN DAN KERJASAMA AWDA dalam memberikan maklumat yang tepat dan lengkap **ADALAH PENTING BAGI MENJAYAKAN BPP 2021.**

Sebarang pertanyaan mengenai BPP 2021 ini bolehlah dirujuk ke JPES seperti berikut :

Telefon : 2230265/2230250 (waktu pejabat)
Hotline :
- 8382021/8382022 (Brunei Muara)
- 8382023 (Belait)
- 8382024 (Tutong)
- 8382025 (Temburong)
Talian Darussalam : 123

E-MEL : support.brucensus@jpes.gov.bn
PORTAL BANCIPERUMAHAN : www.brucensus.gov.bn
LAMARAN SESAWANG : www.dajun.gov.bn

Sudahkah Awda Dikunjungi oleh Pegawai Banci?

Sekiranya belum, sila hubungi JPES melalui:

HOTLINE
2230265 atau 2230250 (waktu pejabat)
8382021/ 8382022 (Brunei Muara)
8382023 (Belait)
8382024 (Tutong)
8382025 (Temburong)

EMEL
support.brucensus@jpes.gov.bn

TALIAN DARUSSALAM (24 jam)
123

Imbas Kod QR untuk maklumat lanjut

www.brucensus.gov.bn | support.brucensus@jpes.gov.bn | @statistics.jpes

Tarikh tutup peraduan dilanjutkan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sukacita memaklumkan bahawa Peraduan Reka Cipta Nama Khas dan Logo Sambutan Awal Tahun Hijrah yang dibukakan bermula Isnin, 18 Januari 2021 hingga Khamis, 18 Februari 2021 adalah dengan ini dilanjutkan sehingga 4 Mac 2021.

Peraduan tersebut adalah sebagai persiapan awal Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah Peringkat Negara bagi Tahun 1443 Hijrah.

Borang dan syarat-syarat penyertaan bolehlah dimuat turun melalui laman sesawang www.kheu.gov.bn atau terus kepada Urus Setia Peraduan Reka

Cipta Nama Khas dan Logo Sambutan Awal Tahun Hijrah Tahun 1442 Hijrah : Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Tingkat 2, Bangunan KHEU, Jalan Dewan Majlis, Berakas.

Johan akan menerima wang tunai sebanyak BND5,000 dan empat hadiah penghargaan akan menerima BND1,000 setiap seorang. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut bolehlah terus menghubungi Urus Setia Peraduan menerusi talian +673 2382301 / 2 / 3 / 4 / 5 / 6 sambungan 233 / 234 atau melalui aplikasi WhatsApp menerusi talian +673 8227666 atau kepada Awang Haji Zamady bin Haji Mohammad, talian telefon +673 8631432 atau melalui e-mel di syiar.islam@mora.gov.bn.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Menangani Kes Buli'. Tarikh Tutup : 24 Februari 2021
- 'Cegah, Kawal Jangkitan HIV, AIDS'. Tarikh Tutup : 3 Mac 2021
- 'Tanamkan Semangat Patriotisme Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 10 Mac 2021

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Terus giatkan usaha pencegahan jenayah



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Februari. - Rondaan Pencegahan Jenayah melalui Program Pengawasan Kejiranan (PK) merupakan antara salah satu strategi pencegahan yang diusahakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama masyarakat awam.

Aktiviti dalam program tersebut bukan sahaja menjadi cara untuk PPDB berganding bahu bersama masyarakat awam dalam membendung jenayah, malahan terbukti ada memberi kesan bagi pengurangan kadar terjadinya

jenayah. Beberapa aktiviti rondaan telah pun dijalankan oleh beberapa balai dari Daerah Polis Brunei Muara, antaranya adalah rondaan dari Balai Polis Kampong Ayer.

Rondaan PK yang diketuai oleh Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Kampong Ayer, Inspektor Abdul Halim bin Abdullah Chok, dijalankan bersama Pemangku Ketua Kampung Lumapas 'A', Awang Haji Saini bin Haji Maidin berserta keanggotaan balai dan Ahli-ahli PK kampung berkenaan.

Rondaan meliputi kawasan

Perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lumapas, Jalan Kampung Kilugus, Bangunan-bangunan Kerajaan, Tapak Klinik Hospital Lama dan persimpangan-persimpangan di Kampung Panchor Lumapas.

Sementara itu, Unit Pengawasan Kejiranan (UPK) Balai Polis Muara juga telah membuat rondaan yang berasingan. Rondaan yang terdiri daripada anggota balai dan beberapa Ahli PK, diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Muara, ASP Hajah Nur Azhani binti Haji Johaiani.

Berpandukan dengan maklumat yang diterima, rondaan tersebut adalah bertujuan untuk membuat pemantauan serta menjalankan tindakan pencegahan di kawasan

RONDAAN Pencegahan Jenayah melalui Program Pengawasan Kejiranan (PK), merupakan antara salah satu strategi pencegahan yang diusahakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama masyarakat awam.

Meragang, Awang Mohammad bin Tamin. Di samping itu juga Rondaan Pencegahan Jenayah telah dijalankan oleh Balai Polis Berakas yang diketuai oleh Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Berakas, Inspektor Haji Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman bersama ahli anggota balai yang menumpukan rondaan di Kawasan 1 RPN Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B'.

yang dikenal pasti berpotensi sering berlaku kejadian jenayah dan lokasi kali ini ditumpukan di sekitar Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang, Pantai Meragang, kawasan Taman Permainan Kampung Meragang dan di kawasan Jalan Kemangsi.

Turut hadir mengikuti rondaan tersebut ialah Pemangku Ketua Kampung RPN Kampung

Sepanjang kesemua rondaan tersebut tidak ada menemukan sebarang kegiatan jenayah dan aktiviti yang melanggar perundangan negara ini. PPDB berharap dengan usaha program ini akan memberikan kesedaran kepada orang awam akan betapa pentingnya gandingan bersama masyarakat dalam memantapkan lagi semangat kejiranan dan bersama membanteras dan mencegah jenayah.



UNIT Pengawasan Kejiranan (UPK) Balai Polis Muara bersama Ahli PK semasa melakukan rondaan pencegahan jenayah di Pantai Meragang.

Operasi Selongkar dapati penyalahgunaan jawatan



HASIL daripada Operasi Selongkar yang dijalankan, didapati pekerja asing menyalahgunakan jawatan yang tercatat dalam Lesen Pekerja Asing mereka.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh (LED) mengadakan Operasi Selongkar 39/2021 kelmarin, 16 Februari 2021, yang bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerja 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pegawai Penguatkuasa dari Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh menjalankan pemeriksaan kegiatan kedai runcit di Kampung Jangsak dan Bengkurong bermula jam 8.45 pagi tersebut dan

mendapati pekerja asing masing-masing berjawatan sah Foreman Binaan dan Pemandu Syarikat melakukan pekerjaan buruh kedai dan bekerja di syarikat lain.

Manakala pemeriksaan kegiatan restoran mendapati jawatan sah amah melakukan pekerjaan Tukang Masak Restoran.

Hasil operasi itu, Jabatan Buruh mendapati majikan dipercayai menempatkan pekerja asing bekerja tidak mengikut Syarat-syarat Kebenaran Lesen Pekerja Asing (LPA), iaitu bekerja di syarikat lain, penyalahgunaan

jawatan serta melakukan kegiatan yang berlainan.

Bagi kesalahan bekerja tidak mengikut kebenaran LPA, iaitu bekerja di syarikat lain, penyalahgunaan jawatan serta melakukan kegiatan yang berlainan, jika sabit kesalahan, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun, iaitu didenda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua mengikut kesalahan di bawah Bab 86 serta Bab 112.

Jabatan Buruh juga mendapati kesalahan penempatan pekerja asing tidak mengikut kebenaran Lesen Mengambil dan Menggaji Pekerja-Pekerja Asing bagi kegiatan Perkhidmatan Rumahtangga. Jika sabit kesalahan, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun sebanyak BND300 bagi kesalahan pertama dan BND600 bagi kesalahan kedua.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja menurut kehendak Perintah Pekerjaan 2009, seperti penyediaan kontrak pekerjaan, pembayaran gaji tepat pada waktunya dan memberikan tempat tinggal yang bersih dan selesa.

Di samping itu juga, dinasihatkan kepada majikan untuk tidak menyalahgunakan LPA dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



Nasihat untuk WARGA EMAS semasa jangkitan COVID-19



Pantau tahap kesihatan abiskita setiap masa

Jika abiskita mengalami demam panas, atau tanda-tanda jangkitan seperti batuk atau kesukaran bernafas, sila dapatkan rawatan dengan segera

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148

Penyertaan Pertandingan Pidato Kebangsaan tutup 6 Mac

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Februari. - Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan Pertandingan Pidato Kebangsaan Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021.

Penyertaan dibukakan kepada belia, berumur 17 hingga 27 tahun, bagi Warganegara dan Penduduk Tetap Brunei Darussalam, sama ada belia berbangsa Melayu atau bukan Melayu.

Semasa pertandingan itu nanti, para peserta hanya dibenarkan untuk menggunakan Bahasa Melayu baku / standard dalam menyampaikan pidato dan diberi masa di antara 8 ke 10 minit (8 hingga 10 minit) untuk berpidato.

Idea dan struktur pidato hendaklah hasil karya sendiri dan mempunyai data yang dapat disandarkan bagi menyokong hujah.

Borang boleh diperolehi, di Kaunter Pertanyaan, Aras Bawah, DBP Berakas; Urus Setia, Tingkat

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Infografik : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka

2, Unit Peristilahan, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, DBP Berakas; atau boleh memuat turun melalui laman sesawang : www.dbp.gov.bn; atau imbasan Kod QR yang tertera di infografik.

Peserta yang ingin menyertai pertandingan berkenaan, hendaklah menghantar borang penyertaan yang lengkap diisi, sebelum tarikh tutup penyertaan, pada Sabtu, 6 Mac 2021.

Penganjur berhak menarik balik penyertaan yang tidak menepati syarat dan tidak bersesuaian dengan peraturan pertandingan.

Sebarang kritikan atau menyentuh isu sensitif berkaitan agama, bangsa, ras dan kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang, termasuk menggunakan bahasa yang kurang sopan adalah dilarang. Kesalahan ini akan menyebabkan markah adab dipotong.

Peserta pidato dikehendaki memakai pakaian seragam sekolah atau pakaian bersesuaian bagi menyokong pidato yang ingin disampaikan.

Untuk maklumat lanjut, bolehlah menghubungi +673 2382511 sambungan 155 atau 159 atau 160 atau e-mel ke ppkdb2021@gmail.com.



Restoran Zaika sediakan 75.6 peratus menu pilihan sihat

KUALA BELAIT, Khamis, 18 Februari. - Diet yang tidak sihat merupakan salah satu faktor penyumbang pada pelbagai penyakit dan kehilangan kesihatan yang baik selama bertahun-tahun.

Tindakan untuk menghentikan peningkatan penggunaan makanan dan minuman yang tidak sihat harus ditangani, terutamanya yang tinggi garam, gula dan lemak, tetapi pada masa yang sama, tindakan untuk mempromosi pilihan yang lebih sihat perlu dilaksanakan.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan mempromosikan diet yang sihat melalui pelaksanaan Program Restoran Sihat, yang memerlukan gerai makanan, seperti restoran atau kafe untuk menjual menu pilihan lebih sihat.

Program Restoran Sihat yang diungkuhkan oleh Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan bertujuan untuk mencipta lingkungan pasar lokal yang kondusif untuk mendukung pilihan makanan yang lebih sihat.

Selain memupuk budaya dan praktik, pilihan makanan yang lebih sihat adalah utama di antara makanan pemilik, pengurus dan pelanggan kedai.

Program Restoran Sihat menyenaraikan semua kedai makan untuk menyediakan pilihan makanan yang lebih sihat, seperti menu masakan dan minuman kurang gula atau kurang garam atau kurang minyak untuk pelanggan.

Kriteria program tersebut merangkumi sekurang-kurangnya 25 peratus menu pilihan lebih sihat yang dihidang oleh kedai makan.

Menu pilihan makanan sihat dilabel dengan Logo Pilihan Lebih Sihat, yang disediakan oleh Pusat Promosi Kesihatan.

Terdapat 21 kedai makan turut serta dalam program tersebut, termasuk Restoran Zaika, Kuala Belait, yang dilancarkan hari ini.

Tetamu kehormat bagi pelancaran Program Restoran Sihat di Restoran Zaika, Pegawai



PEGAWAI Perubatan Kanan, Kementerian Kesihatan, Dr. Norsilmi Niza binti Haji Mat Zaini menyerahkan sijil kepada Pengarah Restoran Zaika, Awang Muhammad Afiq bin Musa.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

Perubatan Kanan, Kementerian Kesihatan, Dr. Norsilmi Niza binti Haji Mat Zaini.

Sebanyak 75.6 peratus menu, di Restoran Zaika dianggap sebagai pilihan yang lebih sihat, makanan yang dihidangkan semuanya dimasak menggunakan minyak jenama Minyak Matahari.

Antara kata-kata yang disampaikan oleh Pengarah Restoran Zaika, Awang Muhammad Afiq bin Musa, berharap hidangan yang disediakan oleh restoran mereka akan dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat melalui menu sihat yang ditawarkan.

Usaha ke arah menyediakan makanan sihat itu bagi menyokong usaha kerja Pusat Promosi Kesihatan dalam mendorong

masyarakat menjalani gaya hidup sihat dan aktif dengan memberikan hidangan makanan yang berkhasiat segar, selamat dan berkualiti dalam mempromosikan diet sihat.

Kementerian Kesihatan ingin mendorong lebih banyak kedai makan untuk turut serta dalam Program Restoran Sihat dan menyokong juga mempromosikan inisiatif pemakanan sihat di Negara Brunei Darussalam.

Usaha ke arah itu dihasrat akan membantu mencapai Visi 2035 Kementerian Kesihatan, 'Bersama Menuju Bangsa yang Sihat' dan Wawasan Brunei 2035, iaitu demi kehidupan yang berkualiti tinggi.

Hadir sama, Pegawai Kanan dan Pegawai Kementerian Kesihatan juga tetamu jemputan.

DARI MAHKAMAH

2 warga tempatan dibenarkan ikat jamin

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Februari. - Seorang lelaki dan seorang perempuan tempatan yang berdepan pertuduhan mencederakan dengan kekerasan terhadap Pegawai Penyiasat Khas, Biro Mencegah Rasuah (BMR) dibenarkan ikat jamin BND3,000 atau seorang penjamin tempatan oleh Mahkamah Majistret.

Haji Shahrudin bin Haji Shahbudin, berusia 68 tahun (Tertuduh Pertama) didakwa mencederakan salah seorang Pegawai Penyiasat Khas semasa menjalankan tugas pada 16 Februari 2021 pada jam 3.06 petang bertempat di Kampung Jangsak.

Haji Shahrudin telah melakukan kekerasan terhadap mangsa, iaitu mencekik leher dan menolak dengan menggunakan tangannya. Tertuduh juga telah merosakkan kenderaan kepunyaan BMR, iaitu Toyota Fortuner dengan memukul bonet berulang kali dengan tangannya.

Manakala Norshahielia binti Haji Shahrudin, berusia 31 tahun, (Tertuduh Kedua) berdepan pertuduhan menyerang tiga orang Pegawai Penyiasat Khas, BMR dengan menggunakan sebatang penyapu untuk memukul kenderaan Toyota Fortuner di mana Pegawai Penyiasat Khas duduk di dalam kenderaan tersebut. Tertuduh juga didakwa telah merosakkan Toyota Fortuner kepunyaan BMR dengan sengaja.

Timbalan Pendakwa Raya, Raihan Nabilah binti Haji Ahmad Ghazali memaklumkan mahkamah bahawa tidak ada bantahan untuk tertuduh diikat jamin kerana siasatan terhadap tertuduh masih dalam siasatan lanjut. Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menetapkan 25 Februari 2021 untuk sebutan kes semula.

Tingkatkan semangat patriotik

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



BERAKAS, Rabu, 17 Februari. - Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) mengadakan Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-37, Tahun 2021.

Majlis berlangsung di Ibu Pejabat PPPBD, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Upacara ini bertujuan untuk menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-37, Tahun 2021, di samping meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan ahli-ahli persatuan yang merupakan antara tunjang ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Pada majlis itu, Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim, yang juga mengetuai upacara tersebut, menyerahkan Bendera NBD kepada Pesuruhjaya Perhubungan PPPBD, Dayang Nasriah binti Awang Nasib untuk dinaikkan dengan iringan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah



KETUA Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim semasa menyerahkan Bendera Negara kepada salah seorang Ahli PPPBD (atas), manakala gambar kiri, Upacara Menaikkan Bendera Negara disempurnakan oleh Ahli-ahli PPPBD.

Peliharakan Sultan'.

Upacara tersebut juga melibatkan penyertaan daripada Pemimpin Dewasa dan Pemimpin Muda.

Turut hadir, Timbalan

Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Mohd. Ali; Penolong-penolong Ketua Pesuruhjaya PPPBD; Pesuruhjaya-pesuruhjaya PPPBD; dan Ahli-ahli PPPBD.

Lebih 600 peluang pekerjaan ditawarkan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Infografik : Ihsan JobCentre Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC) dan JobCentre Brunei (JCB) dengan sokongan OneCity Management akan menganjurkan Pameran Pengambilan Pekerja (Recruitment Fair) 2021 bertempat di Pusat Membeli-belah OneCity, Jalan Utama Salambigar, bermula Jumaat, 19 Februari hingga Ahad, 21 Februari 2021.

Acara tiga hari itu akan diadakan dari jam 10.00 pagi hingga 6.00 petang, kecuali Jumaat, bermula 2.30 petang hingga 6.00 petang.

Lebih 35 syarikat daripada pelbagai sektor seperti Minyak dan Gas, Penjagaan Kesihatan, Retail, Perkhidmatan Penginapan dan Makanan akan mengambil bahagian semasa pameran tersebut dengan lebih daripada 600 kekosongan, di mana 13 peratus adalah bagi para profesional, pengurus, eksekutif dan juruteknik.

Di antara 600 pekerjaan yang akan dipamerkan, termasuklah Kerani Pemasaran, Pegawai Sumber Manusia, Pembantu Pentadbiran, Pegawai HSSE, Pemandu Kenderaan Berat, Penasihat Perkhidmatan Pelanggan, Pegawai Akaun, Eksekutif IT, Pengawal Keselamatan, Penolong Pengurus Kewangan dan banyak lagi.

Orang ramai khususnya para pencari kerja adalah dialu-alukan menghadiri pameran tersebut untuk mendaftar, mendapatkan bantuan CV dan tip-tip temu duga atau ditemu duga bagi mendapatkan peluang-peluang pekerjaan dari syarikat-syarikat yang ikut serta.

Bagi para pencari kerja juga adalah diingatkan untuk membawa CV dan sijil-sijil asal semasa berkunjung ke pameran tersebut.

Untuk maklumat lanjut mengenai Recruitment Fair 2021, sila hubungi +673 8239933.

MPEC **JobCentre Brunei**

RECRUITMENT FAIR 2021

ONECITY SHOPPING CENTRE, 1ST FLOOR

FRIDAY	19TH FEBRUARY	2.30PM - 6.00PM
SATURDAY	20TH FEBRUARY	10.00AM - 6.00PM
SUNDAY	21ST FEBRUARY	10.00AM - 6.00PM

SUPPORTED BY: **one city**

ONECITY EVENT AND MARKETING

Kukuhkan semangat patriotik, cintakan negara



PEMANGKU Pengarah PB, Awang Lim Kian Boon semasa menyerahkan Bendera Negara kepada Kadet Tentera PB, 93376 SJN KT Awang Muhammad Abdul Raziq bin Abdul Rahim.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Politeknik Brunei (PB) tidak ketinggalan dalam mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-37, Tahun 2021 yang berlangsung di hadapan Bangunan Kampus Utama PB, di Jalan Ong Sum Ping, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah PB, Awang Lim Kian Boon.

Atur cara dimulakan dengan penyerahan Bendera NBD kepada Kadet Tentera PB (Pelajar Level 5 Diploma in IT Network and Security, Pengambilan Ke-9), 93376 SJN KT Awang Muhammad Abdul Raziq bin Abdul Rahim yang disempurnakan oleh tetamu kehormat, yang diikuti dengan Upacara Menaikkan Bendera Negara dan diiringi dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan

Sultan'.

Upacara tersebut seterusnya dimeriahkan lagi dengan nyanyian Lagu Patriotik 'Berkibarlah Bendera', yang



UPACARA Menaikkan Bendera Negara yang diadakan di hadapan Bangunan Kampus Utama PB, Jalan Ong Sum Ping.

disampaikan oleh para pelajar PB, dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan sesi bergambar ramai.

Juga hadir, Timbalan Pegawai Pemerintah Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, 577 Mejar Zool Addyhamdymee bin Haji Bahmin; Penolong Pengarah PB; Pendaftar; Ketua-ketua Bahagian dan Sekolah; para tenaga pengajar; kakitangan dan pelajar-pelajar PB.

Majlis antara lain bertujuan untuk memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-37, Tahun 2021 dengan meningkatkan penghayatan terhadap kemerdekaan tanah air NBD serta mengukuhkan semangat patriotik dan cintakan negara serta mengukuhkan rasa nasionalisme dalam kalangan kakitangan dan pelajar PB.

Antara acara-acara lain yang akan dikendalikan oleh PB bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-37, Tahun 2021 ialah Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang akan diadakan di Surau Kampus Utama PB.

Taklimat fokus pencapaian Wawasan Brunei 2035



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Pejabat Wawasan Brunei di JPM, Dayang Nur Edzalina binti Haji Idris menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada wakil bagi pihak PUJA Academy Sdn. Bhd. Ir. Julian Fung.

Siaran Akhbar dan Foto :
PUJA Academy Sdn. Bhd.

BERAKAS, Rabu, 17 Februari. - PUJA Academy Sdn. Bhd. dengan kerjasama Pejabat Wawasan Brunei, Jabatan Perdana Menteri (JPM) menganjurkan taklimat bertempat di Dewan Atria Simpung, Jabatan Kerja Raya (JKR), Lapangan Terbang Lama, di sini. Ceramah bertajuk 'Journey Towards Wawasan 2035' disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Pejabat Wawasan Brunei di JPM, Dayang Nur Edzalina binti Haji

Idris, yang juga merupakan Ketua Unit Matlamat 3, 'Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan'.

Lebih 80 orang menghadiri taklimat tersebut yang memfokuskan mengenai pencapaian dalam Wawasan Brunei 2035 dan kemajuan ke arah mencapai matlamat berkenaan.

PUJA Academy Sdn. Bhd. menganjurkan taklimat ini sebagai cara untuk Ahli PUJA memperoleh perkembangan / pendidikan profesional yang berterusan dan digunakan untuk ahli profesional, juga ahli bukan profesional.

Setelah taklimat dijalankan, empat ahli panel yang terdiri daripada pegawai-pegawai Pejabat Wawasan Brunei mengadakan dialog yang bermanfaat kepada mereka yang hadir.

Taklimat ini juga membantu Ahli PUJA untuk mempelajari peranan mereka sebagai profesional serta bagaimana Industri Pembinaan dapat menyumbang ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Kesimpulannya, Pejabat Wawasan Brunei mengakui bahawa dialog bersama organisasi bukan kerajaan seperti PUJA seumpama itu adalah sangat dialu-alukan.

Acara diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada penceramah jemputan, di mana bagi pihak PUJA Academy Sdn. Bhd. diterima oleh Ir. Julian Fung.

57 pain darah berjaya dikumpul

Berita dan Foto :
Noraisah Haji Muhammed

LUMUT, Rabu, 17 Februari. - Menderma darah dapat mengurangkan risiko penyakit jantung, malah boleh membantu mengimbangkan zat besi di dalam badan penderma. Malahan dengan menderma darah, kita boleh menyelamatkan nyawa seseorang.

Sehubungan itu, School of Science and Engineering, Politeknik Brunei, Lumut menganjurkan Kempen Derma Darah bagi penuntut serta kakitangan sekolah berkenaan.

Seramai 57 orang penuntut dan kakitangan sekolah berkenaan berjaya menderma 57 pain darah.

Sumbangan derma seumpama itu menandakan sikap prihatin sesama insan dan misi menderma darah, iaitu untuk menyelamatkan individu yang memerlukan.

Selain sama-sama membantu Unit Simpanan Darah Negara dalam rangka mengutip seberapa banyak yang boleh daripada penderma.

Aktiviti tersebut juga merupakan acara tahunan sekolah berkenaan dengan kerjasama Unit Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan.



PESERTA yang menderma darah pada Kempen Derma Darah yang dianjurkan oleh School of Science and Engineering, Politeknik Brunei, Lumut.

Terima sumbangan 4 set pelaung



SEBANYAK empat set pelaung disumbangkan kepada Masjid Kampung Kilanas yang disempurnakan oleh Skipper Zunidi bin Telih.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

KILANAS, Rabu, 17 Februari. - Sempena menjelangnya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021 dan sebagai kesinambungan Projek Kasih Pengakap, Persekutuan Pengakap

Negara Brunei Darussalam memenuhi hajat seorang hamba Allah dengan menyampaikan sumbangan beliau, berupa empat set pelaung kepada Masjid Kampung Kilanas.

Majlis penyampaian tersebut

disempurnakan oleh Skipper Zunidi bin Telih kepada Imam masjid berkenaan, Awang Muhd. Ridzuan bin Haji Marzuki.

Turut hadir menyaksikan acara berkenaan, Ketua Kampung Kilanas, Awang Haji Rahman bin Pudir serta Ahli-ahli Takmir Masjid berkenaan, iaitu Awang Muhd. Fahmie bin Haji Awang Metussin dan Awang Haji Ariffin bin Haji Sulaiman.

Nasihat untuk WARGA EMAS semasa jangkitan COVID-19



Etika Batuk & Bersin

- 1 Ketika hendak batuk atau bersin, palingkan muka abiskita daripada orang lain dan makanan yang berdekatan
- 2 Tutup mulut dan hidung abiskita dengan tisu
- 3 Segera buang bekas tisu ke dalam tong sampah yang bertutup
- 4 Elakkan menyentuh muka, hidung atau mulut abiskita
- 5 Cuci tangan dengan sabun dan air yang bersih selama 20 saat
- 6 Jika abiskita mengalami demam, batuk dan selsema - gunakan penutup mulut dan hidung untuk melindungi orang sekeliling

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



 PSC.BN

  +673 7371961  PSC.BN  PSC.BN  query@spa.gov.bn



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DI DALAM KELAS :
II & III SAHAJA
KATEGORI :
SA02 SAHAJA - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
2 Mac 2021 (Selasa)

TARIKH TUTUP :
16 Mac 2021 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSKB 003 / 2021

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL BAGI KERJA
PEMBERSIHAN AM DI BANGUNAN
JABATAN KERJA RAYA DAN SUB
OFIS DAERAH BELAIT UNTUK 36
BULAN

NO. PROJEK :
2021ADKB/B00405/003-001-001

YURAN TAWARAN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

KATEGORI : M01 SAHAJA -
(KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
9 Mac 2021 (Selasa)

TARIKH TUTUP :
23 Mac 2021 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSKB 004 / 2021

NAMA PROJEK :

KONTRAK PENGGAL BAGI KERJA
OPERASI DAN PENYELENGGARAAN
SISTEM HAWA DINGIN BAGI ISTANA
KOTA MENGELELA KUALA
BELAIT UNTUK TEMPOH 24 BULAN

NO. PROJEK :
2020DBSKB/IMU-01

YURAN TAWARAN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
01.	PEGAWAI TANAH [B.2 EB.3 / B.2] 2021/006/05	JABATAN TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	1	7(A)	27 FEBRUARI 2021
02.	PEGAWAI PENERBITAN [C.2 EB.3] 2021/005/05	JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	1	7(A)	27 FEBRUARI 2021
03.	PENYELIA KANAN KOPERASI [C.2 EB.3] 2021/006/07	UNIT PEMBANGUNAN KOPERASI, BAHAGIAN INDUSTRI DAN EKOSISTEM PERNIAGAAN, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	2	7(A)	27 FEBRUARI 2021
04.	PENGAWAS PERSATUAN-PERSATUAN SUKAN [C.2 EB.3] 2021/005/04	JABATAN BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	1	7(A)	27 FEBRUARI 2021
05.	PEGAWAI PERPUSTAKAAN KANAN (FILEM DAN PITA) [C.1-2 EB.3] 2021/006/01	JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI	1	7(A)	27 FEBRUARI 2021
06.	MEKANIK SUKATAN DAN TIMBANGAN [D.1-2 EB.3-4] 2020/007/03	PUSAT STANDARD KEBANGSAAN, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	1	7(A)	27 FEBRUARI 2021
07.	PEMBANTU PERKEMBANGAN BAHASA [D.1-2-3 EB.4-5] 2021/006/09	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	1	7(A)	27 FEBRUARI 2021
08.	PENOLONG PENGURUS PENTAS [D.1-2-3 EB.4-5] 2021/006/14	JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI	5	7(A)	27 FEBRUARI 2021

Dari muka 21

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
09.	PENJAGA [F.1-2 EB.3 / F.1-2-3 EB. 4 / F.1-2-3-4 EB.5] 2021/006/08	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	1	7(A)	27 FEBRUARI 2021
10.	PEGAWAI PELAJARAN KANAN (TEKNIKAL) [G.15] 2021/006/20	INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	2	38(B)	27 FEBRUARI 2021
11.	PENOLONG PENGARAH ASEAN [B.3] 2021/004/14	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	1	38(B)	27 FEBRUARI 2021
12.	PENOLONG PEGAWAI SEJARAH TINGKAT II [C.2 EB.3] 2021/006/02	PUSAT SEJARAH BRUNEI, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	2	7(A)	1 MAC 2021
13.	PEGAWAI PERANGKAAAN [B.2 EB.3] 2021/006/06	JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	1	7(A)	1 MAC 2021
14.	PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL MASJID [C.3-4 EB.5] 2021/006/12	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	3	7(A)	1 MAC 2021

MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN BIDANG DAN TUGAS TANGGUNGJAWAB BOLEHLAH MELAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN DAN DENGAN MENGIKUTI AKAUN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DAN TELEGRAM DI @PSC.BN



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM



BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 025 / 2020

KETERANGAN :

TAWARAN BAGI PENYEWAAN UNIT-UNIT RUANG 'FOOD COURT' DI BANGUNAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERITI BRUNEI DARUSSALAM [BAGI TEMPIH 3 TAHUN]

BAYARAN DOKUMEN DAN PENTADBIRAN (termasuk e-Dokumen) :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP :
Selasa, 2 Mac 2021,
Tidak lewat jam 2.00 petang

BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 026 / 2020

KETERANGAN :

RE-TENDER:
DESIGN AND BUILD OF UPGRADING UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM KUALA BELALONG FIELD STUDIES CENTRE, TEMBURONG (PHASE 1)

CLASS: IV AND V
CATEGORY: KA01, B01, KPB02, M01, M03, E01, E02, KBP04, KPB11, KPMEC

BAYARAN DOKUMEN DAN PENTADBIRAN (termasuk e-Dokumen) :
BND505.00 (tidak dikembalikan)

BIL. TAWARAN :
UBD / E8 / 027 / 2020

KETERANGAN :
Term contract one (1) year cleaning and housekeeping works (building and compound) for Universiti Brunei Darussalam

CLASS: III AND ABOVE
CATEGORY: S02

BAYARAN DOKUMEN DAN PENTADBIRAN (termasuk e-Dokumen) :
BND55.00 (tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP :
Selasa, 16 Mac 2021,
Tidak lewat jam 2.00 petang

Ketua Bahagian Pentadbiran Am
Tingkat 4,
Jabatan Kemajuan Perumahan
Lapangan Terbang Lama Berakas
Bandar Seri Begawan BB3510
Negara Brunei Darussalam

Hanya pemohon yang disenarai pendek (shortlisted) sahaja akan dihubungi dan dimaklumkan mengenai dengan proses temu duga.

Tarikh tutup menghantar permohonan ialah pada :
Isnin, 8 Mac 2021, jam 4.00 petang.



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN sukacita mempelawa pemohon-pemohon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti dibawah bagi mengisikan jawatan kosong seperti berikut :

JAWATAN SITE STAFF (KONTRAK) TAPAK BINA PROJEK-PROJEK RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA RESIDENT ENGINEER, ASSISTANT RESIDENT ENGINEER, CLERK OF WORKS

**1. JAWATAN :
RESIDENT ENGINEER
TANGGA GAJI : B2 EB3
KEKOSONGAN : DUA (2)
TEMPOH PERKHIDMATAN :
24 BULAN ATAU SEHINGGA
PROJEK SELESAI**

Syarat-syarat kelayakan minima :

- Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Struktur / Kejuruteraan Bangunan atau sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

- Mempunyai pengalaman kerja tidak kurang 8 tahun dalam bidang yang berkaitan.

- Mempunyai keahlian dalam badan Profesional dalam bidang Kejuruteraan atau bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah menjadi satu kelebihan.

**2. JAWATAN :
ASSISTANT RESIDENT ENGINEER**

**TANGGA GAJI : B2
KEKOSONGAN : DUA (2)
TEMPOH PERKHIDMATAN :
24 BULAN ATAU SEHINGGA
PROJEK SELESAI**

Syarat-syarat kelayakan minima :

- Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Struktur / Kejuruteraan Bangunan atau sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

- Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah menjadi satu kelebihan.

**3. JAWATAN : CLERK OF WORKS
TANGGA GAJI : C3
KEKOSONGAN : EMPAT (4)
TEMPOH PERKHIDMATAN :
24 BULAN ATAU SEHINGGA
PROJEK SELESAI**

Syarat-syarat kelayakan minima :

- Mempunyai kelulusan BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Bangunan / Mekanikal / Elektrikal atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

PENGAMBILAN PEKERJA SITE STAFF (KONTRAK)

Syarat-Syarat Am :

a) Pemohon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk

Tetap adalah diberi keutamaan.

b) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik adalah satu kelebihan.

c) Berpengalaman dalam kerja-kerja rekabentuk bangunan, binaan, infrastruktur atau bidang yang menjurus kepada perancangan dan pengurusan projek.

d) Berpengetahuan luas dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) termasuk penggunaan MS Office, MS Project, Auto CAD dan sebagainya yang berkaitan.

e) Bersedia melaksanakan tugas dengan teratur dibawah tekanan sama ada secara persendirian mahupun berkumpulan.

f) Berkemahiran dalam penyelesaian masalah dengan menilai situasi dan mampu membuat keputusan yang sewajarnya dengan cepat.

g) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa dan hendaklah bersedia untuk bertugas dimana-mana sahaja di negara ini.

Syarat-Syarat lain :

- Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN

Borang permohonan bolehlah diperoleh dengan memuat turun di laman sesawang :
www.housing.gov.bn

Permohonan yang lengkap diisikan bersama-sama dengan Curriculum Vitae (C.V), gambar berukuran paspot sebanyak 2 keping dan salinan sijil-sijil pencapaian akademik dan surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah hendaklah dihantar kepada :



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 557 / 2012

**BAIDURI FINANCE BERHAD
(previously file by
HSBC FINANCE (B))**

- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**ASLI BIN ALI
(BYIC No. 00-058721)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 4 Mei 2013 telah **dibatalkan pada 3 Disember 2020.**

Nama Penghutang :
ASLI BIN ALLI

Alamat Penghubung :
No.12, Jalan Haji Abdul Ghani, Bukit Bendera, Tutong, TA1341, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 25 Januari 2021

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 274 / 2006

**STANDARD CHARTERED FINANCE
(B) BERHAD**

- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**MUSTAMAM BIN MUSTAPA
(BYIC No. 00-271649)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 2 Disember 2006 telah **dibatalkan.**

Nama Penghutang :
MUSTAMAM BIN MUSTAPA

Alamat Penghubung :
No.14, Simpang 16, Jalan Bukit Sinadur, RPN Panchor Mengkubau BU1729, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 27 Januari 2021

**HJH NORMAZDINA
BINTI HAJI MD. MAKUB**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 268 / 2017

**BAIDURI BANK BERHAD
(previously file by The HSBC Limited)**

- Pemiutang / Pemetisyen

**HAJI RAFI
BIN HAJI ABDUL RAHMAN
(BYIC No. 01-074567)**

- Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa :

Satu **Perintah Penghukuman** telah di buat terhadap Penghutang yang berikut pada **9 Januari 2021.**

Nama dan alamat Bankrap :

**HAJI RAFI
BIN HAJI ABDUL RAHMAN**

No.9, Simpang 262-8-29, Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Berakas BC3115, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan : 18 Julai 2020.

Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima rasmi, Tingkat Dua Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 27 Januari 2021

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KEBANKRAPAN NO.
BCY / CP / 386 / 2010**

**BAIDURI FINANCE BERHAD
(previously file by
HSBC Finance (B) Berhad)**

- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**SARI BIN HAJI KURUS
(BYIC No. 00-260808)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN PERINTAH
PENERIMAAN DAN NOTIS
PELEPASAN PERINTAH
PENGHUKUMAN**

Sila ambil perhatian :

Bahawa **Perintah Penerimaan** dan **Perintah Penghukuman** yang di buat terhadap Penghutang telah **dibatalkan** dan **dilepaskan** pada 14 Januari 2021.

Nama Penghutang dan alamat :
SARI BIN HAJI KURUS

Room 5, Block B, Flat Polis SPO, Jerudong, Bandar Seri Begawan BG3122, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 27 Januari 2021

**HJH NORMAZDINA
BINTI HAJI MD. MASKUB**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 98 / 2017

**BAIDURI BANK BERHAD
(previously file by
HSBC Finance (B) Berhad)**

- Pemiutang / Pemetisyen

**SITI FATINAH BINTI MAIL
(BYIC No. 01-030644)**

- Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa :

Satu **Perintah Penghukuman** telah di buat terhadap Penghutang yang berikut pada 16 Januari 2021.

Nama dan alamat Bankrap :
SITI FATINAH BINTI MAIL

No.27 'A', Jambatan 4, Jeti 2, Kampung Bolkliah 'A', Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan : 30 November 2020.

Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima rasmi, Tingkat Dua Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 27 Januari 2021

**HJH NORMAZDINA
BINTI HAJI MD. MASKUB**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 192 / 2009

STANDARD CHARTERED BANK

- Pemiutang / Pemetisyen

**KAMAL AFIFIN BIN SAIMON
(BYIC No. 00-297231)**

- Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa :

Satu **Perintah Penghukuman** telah di buat terhadap Penghutang yang berikut pada 7 Januari 2021.

Nama dan alamat Bankrap:
KAMAL AFIFIN BIN SAIMON

No.1, Simpang 135-24-25, STKRJ Rumah Kembar Kg. Rimba, Gadong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan : 27 November 2020.

Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima rasmi, Tingkat Dua Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 16 Januari 2021

**HJH NORMAZDINA
BINTI HAJI MD. MASKUB**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**NOTIS MENGENAI
DIVIDEN PERTAMA**

Nama Penghutang - Roziyah binti Haji Mohammad Ali (BYIC No. 00-117909). **Alamat** - No. 30, Simpang 1185-79-193, RPN Bukit Beruang, Tutong TC3345 Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - **Kebankrapan** No.386 tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 58.1 sen. **Pertama atau Terakhir selainnya** - **Pertama Bila kena dibayar** - 8 Februari 2021. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 1 Februari 2021.

**NOTIS MENGENAI
DIVIDEN PERTAMA**

Nama Penghutang - Mohamad Ajini bin Haji Jumaat (BYIC No. 00-284787). **Alamat** - No. 17, Blok D, Berek Polis R'U'B Gadong, Ibu Pejabat Polis Gadong, BE1710, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - **Kebankrapan** No. 373 tahun 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 50.4 sen. **Pertama atau Terakhir selainnya** - **Pertama Bila kena dibayar** - 8 Februari 2021. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 1 Februari 2021.

**NOTIS MENGENAI
DIVIDEN PERTAMA**

Nama Penghutang - Norlialawati binti Hj Md Noor (BYIC No. 00-270289). **Alamat** - No. 7, Simpang 43-4, Jalan Lasuk, Perumahan Negara Kg.Lugu Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - **Kebankrapan** No. 173 Tahun 2011. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 79.9 sen. **Pertama atau Terakhir selainnya** - **Pertama Bila kena dibayar** - 11 Februari 2021. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 3 Februari 2021.

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

NOTIS MENGENAI

DIVIDEN TERAKHIR

Nama Penghutang - Pg Ezry Mohammad Ali Nazib bin Pg Jalil (BYIC No. 00-281370). **Alamat** - No. Room 382, No.67, Bangunan Salleh Ching Huan, Jalan Pasar Ulak Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - **Kebankrapan** No. 513 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau Terakhir selainnya** - **Terakhir Bila kena dibayar** - 25 Januari 2021. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 23 Januari 2021.

**HAJAH NORMAZDINA
HAJI MD. MASKUB**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BIL. SEBUT HARGA
KHEU / JPI / JKS / 29 / 2020 - 2021

KETERANGAN :
Membekal, Menghantar Dan Menguji
Barang-Barang Makmal Sains
Pelajaran Physics Bagi
Sekolah Arab Rimba,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwat Ugama
Tahun 1442H - 1443H / 2020M -
2021M

**SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN
MAKLUMAT :**

Tarikh tutup tidak lewat pada :
Rabu, 10 Syaaban 1442H /



24 Mac 2021M,
Tidak lewat jam 2.00 petang.



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga :
ANS / 2021 / SH - 02
GLOBAL SATELLITE PHONE
SERVICES

Bilangan Sebut Harga :
ANS / 2021 / SH - 03
SUPPLY AND DELIVERY OF
DOCUMENT REFERENCE AND
DOCUMENT GUIDE FOR SEARCH
AND RESCUE OPERATIONS AND
MANUAL

Bilangan Sebut Harga :
ANS / 2021 / SH - 04
ENHANCEMENT OF CURRENT
PROCEDURES AND MANUALS
FOR NATIONAL SEARCH AND
RESCUE NATIONAL
COORDINATION CENTRE

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :



Bilangan Sebutharga :
ANS / 2021 / SH - 02
Rabu, 3 Mac 2021
Tidak lewat jam 2.00 petang

Bilangan Sebutharga :
ANS / 2021 / SH - 03 dan ANS /
2021 / SH - 04
Rabu, 10 Mac 2021
Tidak lewat jam 2.00 petang



JABATAN HAL EHWAL SYARIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**JABATAN HAL EHWAL
SYARIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

HALAL CERTIFICATION SYSTEM (HCS)

BILANGAN TAWARAN :
1/JHES/BKMH/KHEU/HCS
2019/RKN11

KETERANGAN :
DESIGN, DEVELOPMENT, SUPPLY,
DELIVERY,
INSTALLATION,
CONFIGURATION,
COMMISSIONING, TESTING,
TRAINING AND MAINTENANCE
OF HALAL CERTIFICATION
SYSTEM (HCS), INCLUDING
MOBILE APPLICATION AND
PORTAL FOR HALAL FOOD
CONTROL
DIVISION, DEPARTMENT OF
SYARIAH AFFAIRS, MINISTRY OF
RELIGIOUS AFFAIRS

BAYARAN YURAN TAWARAN -



BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
dan CAKERA PADAT (CD) -
BND5.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

Tarikh tutup menghantar borang :
Selasa, 9 Syaaban 1442H /
23 Mac 2021M,
Tidak lewat jam 2:00 petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :**
V & VI SAHAJA
KATEGORI :
[B01 & KA01 SAHAJA] -
KOD BAHARU

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DOD / 2 / 2021

NAMA PROJEK :
MASJID BARU RPN KAMPONG
MERAGANG

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :**
23 Februari 2021 (Selasa)

TARIKH TUTUP :



9 Mac 2021 (Selasa)

YURAN TAWARAN :
BND1000.00
(Tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
01 / FEB / 2021 / KKBS / PJK / 23.01
TAJUK TAWARAN :
UPGRADING WORKS FOR FIRE
PROTECTION SYSTEM AT
TUTONG SPORTS COMPLEX,
YOUTH OFFICE AND YOUTH
CENTRE MINISTRY OF CULTURE,
YOUTH AND SPORTS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Yuran Tawaran :
BND10.00



(tidak akan dikembalikan)

Tarikh tutup tawaran :
Tidak lewat hari Selasa, 2 Mac 2021,
jam 2.00 petang.



KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN

**SEBUT HARGA MENGAMBIL,
MENCUCI, MENGOSOK SERTA
MENGHANTAR JUBAH BAGI
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN**

TARIKH TUTUP :
Khamis, 25 Februari 2021,
jam 2.00 Petang.



JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN
JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK**

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PSP / 038 / 2020

TAJUK TAWARAN :
PEMBEKALAN ELEKTRIK
VOLTAN TINGGI KE TAPAK
PERINDUSTRIAN TERNAKAN
UDANG SG PAKU, TELISAI
TUTONG

HARGA DOKUMEN :
BND500.00 (TIDAK
DIKEMBALIKAN)

KELAYAKAN :
KELAS IV KEATAS SAHAJA



(KATEGORI E03)

TARIKH TUTUP :
Selasa, 16 Mac 2021
(Jam 2.00 petang)



LANGKAH-LANGKAH KE ARAH PERKHIDMATAN AWAM YANG HIJAU

Penggunaan Tenaga

- Melaraskan suhu pendingin hawa kepada 23-25°C
- Tutup semua suis lampu dan peralatan elektrik yang tidak digunakan
- Menghadkan penggunaan alat pendingin hawa semasa waktu berkerja sahaja
- Menggunakan sistem sensor gerakan (motion sensor)
- Meletakkan label penjimatan tenaga
- Gunakan lampu jimat tenaga (LED)
- Pengurus-pengurus tenaga (energy managers) rasmi yang diakreditasi oleh Kementerian Tenaga hendaklah melaksanakan pengauditan tenaga disetiap premis di Kementerian masing-masing sekurang-kurangnya sekali setahun
- Gunakan peralatan elektrik yang cekap tenaga (energy efficient)

Penggunaan Air

- Tutup paip air apabila tidak digunakan
- Gunakan atau menggantikan peralatan dengan produk jimat air
- Memastikan penggunaan sistem pengairan automatik (sprinkler) untuk tanaman dipasang pada waktu dan jangka masa yang bersesuaian
- Utamakan pemerolehan produk-produk yang menyokong inisiatif penjimatan air
- Meletakkan label/poster penjimatan air yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Air di kawasan-kawasan utama
- Melaporkan sebarang kebocoran air dengan segera kepada Talian Darussalam 125
- Digalakkan untuk mempraktikkan penuaian air hujan (rain water harvesting)

Penggunaan Kertas

- Gunakan emel Kerajaan sebagai kaedah komunikasi utama
- Cetak dokumen pada kedua-dua belah muka kertas
- Imbas dan emel dokumen yang hendak dikongsikan
- Gunakan kemudahan e-Minit dan Intranet
- Asingkan sisa buangan kertas untuk dihantar ke syarikat kitar semula
- Membuat penganalisaan awal sebelum membuat sebarang pemesanan/pembelian bagi mengelakkan bekalan yang berlebihan
- Penyediaan dan penggunaan mesin shredder adalah digalakkan bagi menghapuskan dokumen-dokumen yang sulit
- Mengurangkan permintaan atau pencetakan dokumen individu seperti Kad Pengenalan dan lain-lain
- Pemerolehan kertas bagi kegunaan pejabat perlulah mempunyai pilihan bagi jenis kertas daripada bahan kitar semula
- Membuat versi atas talian melalui portal Gov.BN bagi kesemua bentuk borang atau perkhidmatan kaunter
- Mempraktikkan penggunaan sistem imbasan Kod QR (QR Code) dalam mesyuarat atau acara rasmi

Penggunaan Plastik

- Elakkan dari menggunakan botol, beg, sudu, garpu, cawan dan straw plastik pakai buang
- Sediakan dispenser air di pejabat
- Makanan yang dijual melalui kiub-kiub di pejabat hendaklah dibungkus menggunakan bekas/beg yang berasaskan kertas atau jenis plastik yang mudah reput (biodegradable)
- Gunakan botol dan bekas makanan yang boleh diguna semula
- Asingkan sisa-sisa plastik
- Gunakan plastik sampah yang mudah reput (biodegradable)
- Setiap Kementerian dan Jabatan-Jabatan dibawahnya adalah ditegah dari menggunakan botol plastik (plastic bottles free zone)
- Bagi penyediaan makanan, penutup makanan hendaklah daripada bahan yang boleh dipakai semula, atau jenis plastik yang mudah reput (biodegradable)
- Penyediaan air hendaklah menggunakan bekas air yang diisi daripada dispenser air pejabat masing-masing

Pengurusan Acara-acara Rasmi

- Mempraktikkan amalan hijau dalam setiap acara-acara rasmi
- Pastikan sisa buangan yang telah diasingkan untuk dikitar semula
- Sediakan tong sampah kitar semula
- Sediakan dispenser air
- Gunakan produk yang diperbuat dari bahan mesra alam bagi penyediaan cenderahati
- Gunakan Kod QR dalam perjumpaan atau acara rasmi untuk menghantar jemputan, menyebarkan presentation slides dan sebagainya

Pembuangan Sisa-Sisa Pepejal

- Sediakan tong sampah kitar semula di pejabat-pejabat
- Membuang sisa elektronik ditempat pembuangan yang dikhususkan
- Memasukkan spesifikasi untuk pengurusan sampah-sampah kitar semula dalam kontrak pembersihan pejabat

Penanaman Pokok

- Pemotongan pokok hendaklah dihadkan kepada pokok-pokok yang perlu dipotong sahaja
- Setiap Kementerian disarankan untuk turut serta dalam "Kempen 26,000 Pokok" bagi menanam pokok di sepanjang tahun 2021
- Pastikan penanaman semula satu pokok bagi setiap satu pokok yang dipotong



Untuk dokumen penuh Protokol Hijau, sila imbas kod QR ini

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Urusetia Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (Brunei Climate Change Secretariat):

@bccs.bn
+673 2383222
smbg 704 / 730

/bccs.bn
protokol.hijau@mod.gov.bn
bccs@mod.gov.bn

@BCCS_BN

Hargai tenaga barisan hadapan



PENYERAHAHAN sumbangan diserahkan oleh Pengurus (Wholesale), Syarikat Ya-Nur Trading Company Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.), Jithin Janardhanan yang diterima oleh Timbalan Penguasa Perubatan II, Hospital RIPAS, Pengiran Dr. Md. Bahrin bin Pengiran Aliuddin (kiri), sementara gambar kanan, Syarikat Ya-Nur Trading Company Sdn. Bhd. menyumbangkan sejumlah 100 karton 'UFC Velvet Coconut Milk Drink Chocolate Flavour' kepada para petugas barisan hadapan di Kompleks Sukan Hospital RIPAS.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Perkhidmatan Perhubungan Pelanggan,
Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Dalam menghargai pengorbanan dan kerja keras petugas barisan hadapan yang bertugas di Kompleks Sukan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Syarikat Ya-Nur Trading Company Sendirian

Berhad hari ini menyumbangkan sejumlah 100 karton minuman 'UFC Velvet Coconut Milk Drink Chocolate Flavour' kepada para petugas.

Hadir menyerahkan sumbangan berkenaan ialah Pengurus (Wholesale), Syarikat Ya-Nur Trading Company Sendirian

Berhad, Jithin Janardhanan yang diterima oleh Timbalan Penguasa Perubatan II, Hospital RIPAS, Pengiran Dr. Md. Bahrin bin Pengiran Aliuddin bertempat di Kompleks Sukan, Hospital RIPAS.

Usaha gigih kesemua petugas barisan hadapan dalam

menangani penularan wabak COVID-19 di negara ini patut diberikan pujian kerana mereka sanggup mempertaruhkan nyawa demi memastikan keselamatan dan kesihatan penduduk terjaga, di samping memastikan pesakit sembuh sepenuhnya.

HARGA TURUN!



**KUALITI TINGGI
DENGAN HARGA
RENDAH!**

HARGA RUNCIT YANG DISYORKAN

BRUNEI - MUARA	TUTONG / BELAIT / TEMBURONG
\$7.00 SATU BEG	\$7.25 SATU BEG

Butra HeidelbergCement Sdn Bhd
Lot 3, Serasa Industrial Area,
Muara BT 1728

T +673 277 1395 - 8
E bruneicement@gmail.com



bruneicement | bruneicement.com

Penutupan sementara separuh jalan Lebuhraya Muara - Tutong, KM 49.6 (hala Muara)



PENUTUPAN sementara separuh jalan, di Lebuhraya Muara - Tutong, KM 49.6 (hala Muara), kawasan Bukit Panggal.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Februari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara separuh jalan, di Lebuhraya Muara - Tutong, KM 49.6 (hala Muara), kawasan Bukit Panggal (sila rujuk peta), pada Jumaat, 19 Februari 2021, bermula 2.30 petang hingga kerja-kerja pembaikan selesai.

Penutupan jalan berkenaan adalah bagi membolehkan kerja-kerja pembaikan kalbat yang rosak di lebuhraya berkenaan dapat dilaksanakan.

Sehubungan itu, pihak JKR ingin mengingatkan para pengguna jalan raya untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak jabatan ini, melalui Hotline Talian Darussalam : 123 atau Live Channel 123 (+673 8333123) atau Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* atau e-mel ke *pro@pwd.gov.bn*.

Pelajari asas aliran tunai peribadi melalui 'Rut to Riches'



'RUT to Riches' merupakan permainan board game, yang bertindak sebagai simulasi bagi seseorang untuk mengendalikan kewangan peribadi mereka dan belajar menstabilkan ekonomi masing-masing (atas dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Februari. - Yesinv Management Services Sendirian Berhad berjaya menganjurkan 'Let's Play Rut to Riches', iaitu permainan board games, bertujuan untuk mengajarkan Kepintaran Kewangan (Financial Intelligence) sambil bermain. 'Rut to Riches' bukan sahaja

permainan board game, tetapi ia juga merupakan salah satu cara pembelajaran interaktif dan menarik, di samping itu, melalui permainan ini, kepintaran kewangan yang dipelajari melalui permainan ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan sebenar.

Seramai 11 peserta, terdiri daripada pelajar, pekerja dan

usahawan menyertai permainan ini, yang diadakan hari ini, di Projek FEED, Gadong Properties, di sini.

Permainan tersebut diadakan bagi memberikan kesedaran tentang kepentingan kepintaran kewangan dalam hidup seharian, dan perlu dipelajari sedari usia muda, di mana ia adalah penting dalam jangka masa panjang.

'Rut to Riches' merupakan permainan board game, yang bertindak sebagai simulasi bagi seseorang untuk mengendalikan kewangan peribadi mereka dan belajar menstabilkan ekonomi masing-masing.

Selain itu, melalui permainan ini, peserta boleh mempelajari asas aliran tunai peribadi, tip-tip pengurusan wang dan cara membuat keputusan.

Yesinv Management Services Sendirian Berhad berhasrat untuk mengadakan permainan sedemikian sekali setiap bulan bagi memberikan kesedaran kepada komuniti tentang kepentingan kepintaran kewangan.

Orang ramai yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai permainan ini dan berminat untuk menyertainya, bolehlah menghubungi pihak



penganjur melalui WhatsApp atau mengikuti Instagram menerusi talian +673 223 3247 @yesinvms.bn.

JBP terapkan kesiapsiagaan pemandu menjalankan tugas

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat



BAHAGIAN Perhubungan Awam HQ, Jabatan Bomba dan Penyelamat mengadakan Taklimat Keselamatan Kebakaran Life Saver 995.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Februari. - Bahagian Perhubungan Awam HQ, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) mengadakan Taklimat Keselamatan Kebakaran Life Saver 995 dan tunjuk ajar tatacara mengendalikan alat-alat pemadam api dengan betul, baru-baru ini.

Taklimat dan tunjuk ajar tersebut disertai oleh seramai 23 orang belia daripada Malam Minggu Pusat Belia (MMPB); Pusat Pembangunan Belia (PPB); Institut Pendidikan Teknikal Brunei; LiveWIRE; dan Dart.

Taklimat berkenaan diterapkan bagi kesiapsiagaan pemandu menjalankan tugas mereka dan meningkatkan kesedaran mengenai bahaya kebakaran, terutamanya kebakaran kenderaan, di samping memupuk rasa tanggungjawab dan mengambil berat tentang aspek-aspek keselamatan kebakaran.

JBP ada menyediakan program-program keselamatan, seperti Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995; dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan juga mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api yang khusus.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan berikan maklumat tepat.



TUNJUK ajar tatacara mengendalikan alat-alat pemadam api dengan betul.

Tingkat kesedaran warga ITQSHHB mengenai bahaya kebakaran



BAHAGIAN Perhubungan Awam, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat bersama para guru dan penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah (ITQSHHB) pada sesi bergambar ramai pada Taklimat Keselamatan Kebakaran.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Februari. - Bahagian Perhubungan Awam, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) mengadakan Taklimat Keselamatan Kebakaran kepada seramai 108 guru dan penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah

(ITQSHHB). Taklimat ini diterapkan bagi kesiapsiagaan kakitangan sekolah tersebut dalam menjalankan tugas mereka dan meningkatkan kesedaran mengenai bahaya kebakaran, di samping memupuk rasa bertanggungjawab dan mengambil berat tentang

aspek-aspek keselamatan kebakaran.

JBP juga ada menyediakan program-program keselamatan, seperti Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995; dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan juga mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Justeru, jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat tepat.



Mahkota Crystal : Lebih 2 dekad dalam seni pembuatan kaca

Oleh : Nurul Hazwani Abu Omar
Foto : Azmah Haji Ahad

PENULIS telah berpeluang untuk mendekati sebuah syarikat pembuatan kaca tempatan yang telah bertapak lebih 20 tahun di negara ini. Sejurus penulis tiba di kilang, kami disambut mesra di pintu hadapan oleh Pemangku Ketua Pengurus / Pengurus Jualan dan Pemasaran Mahkota Crystal Sdn. Bhd., Dk. Roslina binti Pg. Abd. Razak dan terus membawa kami ke galeri dan lawatan kilang syarikat mereka.

Menurut Dk. Roslina, Mahkota Crystal ditubuhkan pada tahun 2000 di Lot 28, Tapak Perindustrian Lambak Kanan, Berakas sebagai pelopor pembuatan kaca buatan tangan seni Brunei.

Syarikat ini menghasilkan kaca kristal indah dengan reka bentuk yang elegan. Ia tetap menjadi satu-satunya studio peniupan kaca di Negara Brunei Darussalam, dan dengan bangganya mempamerkan bakat-bakat Brunei dalam meniup kaca. Semua peniup kaca syarikat ini terdiri daripada orang Melayu Brunei dan telah menjalani latihan di Malaysia dan Eropah.

Mahkota Crystal merupakan anak syarikat di bawah Darussalam Assets Sdn. Bhd. (DA) yang ditubuhkan pada tahun 2012. DA merupakan sebuah syarikat pegangan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs). DA berperanan untuk memastikan pelaburan dan pegangan saham-saham kerajaan di dalam GLCs menghasilkan pulangan ekonomi yang positif dan berdaya tahan, di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan pada jangka masa panjang melalui pengurusan secara proaktif, dan kemajuan dan pelaksanaan *corporate governance* dan amalan-amalan yang terbaik di dalam GLCs. Selain itu, ia juga dihasrat dapat memacu pembangunan ekonomi, dengan strategi untuk menjadikan syarikat-syarikat tersebut menjadi syarikat bertaraf dunia.

Pencapaian

Peniup kaca syarikat yang berbakat besar ini telah menerima Anugerah Reka Bentuk Baik dari Asian Japan Center, Japan (AJC) pada Februari 2004 atas kejayaannya tampil dengan rekaan trofi, seperti layar

yang unik. Penganugerahan ini mempunyai pelbagai kategori dan kira-kira 1,200 reka bentuk dikenal pasti setiap tahun. Penerima Anugerah Reka Bentuk Baik diberikan simbol G-Mark, yang telah menjadi lambang reka bentuk yang baik selama lebih dari setengah abad.

Anugerah G-Mark Japan Good Design adalah anugerah Asia terbesar yang diperkenalkan pada tahun 1957 dan lambang 'G-Mark' menggambarkan nilai dan prinsip reka bentuk Jepun yang komprehensif yang bertujuan untuk memperkayakan kehidupan, industri dan masyarakat.

Awang Haji Najri bin Haji Saban, 40, peniup kaca yang telah berkhidmat di syarikat itu selama hampir 20 tahun menyatakan sebagai peniup kaca memerlukan teknik yang betul dan kemahiran tinggi dengan kreativiti sendiri. Beliau juga mengikuti kursus di Langkawi dan Sweden untuk teori, teknik dan praktikal agar dapat menguasai sebagai peniup kaca yang baik.

Kesemua bahan dan peralatan kesemuanya dari Sweden. Menurutnya, cabaran untuk pekerjaan ini ialah untuk memenuhi permintaan cita rasa pelanggan. Cabaran mereka juga adalah mereka harus menghadapi 1,200 darjah Celsius, dan hanya memiliki waktu antara 15-20 saat untuk membuat dan membentuk terus menerus sebelum kaca menjadi sejuk sehingga tidak dapat dibentuk lagi. Jika ini

berlaku, maka perlu dipanaskan sekali lagi untuk pembentukan berterusan juga menyelesaikan reka bentuk. Proses penyejukan biasanya dilaksanakan semalaman. Di kilang tersebut terdapat 'Hot End Section' (bagi proses lebur, reka bentuk, dipanaskan dan disejukkan) dan 'Cold End Section' (menyelesaikan dan menyempurnakan kristal), bagi menyelesaikan prosesnya.

Untuk membuat reka bentuk kristal, mereka harus bekerjasama dalam satu kumpulan dan membuat reka bentuk yang cantik, elegan dan unik seperti yang diminta pelanggan. Antara reka bentuk yang di buat oleh mereka, seperti tradisional Brunei (padian dan songket), tumbuhan, bunga simpur, mangkuk, pasu, buah, rumah, bangunan, trofi, pesanan khusus dari pelanggan dan bermacam-macam lagi.

Kerjasama terbaharu syarikat ini adalah dengan Pusat Pengajian Kaligrafi dan Kesenian Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan reka bentuk yang luar biasa dan menjual barang konsainan. Sekiranya biskita berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut, sila ikuti Instagram *Mahkota Crystal*; Facebook *Mahkota Crystal Sdn Bhd* atau boleh menghubungi talian Hotline mereka di +673 2395781. Pengunjung boleh datang ke syarikat ini pada Isnin hingga Jumaat, 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan Sabtu, 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.



UK umum rancangan peringkat potensi Bandar Oxford, Cambridge



LONDON, 19 Feb. - Kerajaan Britain pada Khamis mengumumkan rancangan untuk memanfaatkan potensi ekonomi dan budaya dua bandar universiti terkenal di Britain - Oxford dan Cambridge.

Oxford-Cambridge Arc akan merubah dua bandar universiti itu menjadi antara koridor

pertumbuhan utama dunia dan peneraju dunia dalam kelestarian, kata Menteri Perumahan Britain Christopher Pincher dalam satu kenyataan, lapor Agensi Berita Xinhua.

Berdasarkan kerangkanya, ia digambarkan sebagai rancangan untuk generasi, akan membantu mewujudkan ribuan pekerjaan,

mendorong pelaburan, melindungi dan meningkatkan alam sekitar dengan membuka potensi jangka panjang di rantau ini, kata kenyataan itu.

Ia akan menyediakan infrastruktur dan tempat-tempat baharu yang diperlukan bagi kawasan itu, meliputi lima daerah iaitu Oxford, Buckingham,

Northampton, Bedford dan Cambridge, sebuah kawasan yang lebih besar untuk tinggal dan bekerja, tambah kenyataan itu.

Dengan menggalakkan Arc ke peringkat antarabangsa, rancangan

ini bertujuan membantu memanfaatkan potensi kawasan ini sebagai pusat inovasi global dengan output ekonomi melebihi US\$277 bilion pada 2050. - ©BERNAMA

Hong Kong mula suntik vaksin COVID-19 minggu depan

BEIJING, 19 Feb. - Biro Makanan dan Kesihatan (FHB) dan Jabatan Perkhidmatan Awam Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong China memaklumkan kumpulan pertama vaksin COVID-19 yang dihasilkan SinoVac Biotech (SVA) akan tiba di wilayah itu petang ini.

Dalam satu pengumuman bersama, turut dimaklumkan kerja-kerja pemvaksinan dijadual bermula pada 26 Februari dan individu yang tergolong dalam lima kumpulan utama penerima vaksin boleh membuat tempahan secara sukarela mulai 23 Februari.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Hong Kong, Patrick Nip menjelaskan, pihaknya telah membeli tiga jenis vaksin COVID-19 sebanyak 22.5 juta dos

yang dapat memenuhi permintaan penduduk setempat.

Katanya, kumpulan terawal yang akan menerima suntikan termasuk kakitangan agensi perubatan atau pegawai terlibat dalam kawalan dan pencegahan wabak, warga emas 60 tahun ke atas, penghuni pusat jagaan warga emas atau orang kurang upaya serta kakitangan, selain petugas sektor perkhidmatan awam, sektor pengangkutan rentas sempadan, pelabuhan dan pemeriksaan kastam.

Patrick Nip berkata penduduk setempat boleh mendapatkan suntikan di 29 pusat pemvaksinan melibatkan 18 daerah seluruh Hong Kong, selain di lebih 1,500 klinik dan 18 poliklinik di bawah Jabatan Kawalan

Perubatan atau rumah jagaan.

Sementara itu, Ketua Pengarah FHB Hong Kong, Sophia Chan pula menyatakan semua vaksin dibeli kerajaan Hong Kong telah diluluskan dengan penilaian yang ketat.

Sophia berkata, meskipun keberkesanan pemvaksinan lebih tinggi daripada risikonya, kerajaan Hong Kong telah menubuhkan mekanisme maklumat bagi menguji keberkesanan dan risiko vaksin terlibat.

Dalam perkembangan lain, satu tabung jaminan turut wujudkan kerajaan Hong Kong untuk menyediakan pampasan kepada mereka yang mengalami kesan negatif setelah menerima suntikan vaksin. - ©BERNAMA

Kilang proses ayam sejuk beku didenda RM35,000 kerana cemar alam sekitar

SHAH ALAM, 19 Feb. - Sebuah kilang memproses ayam sejuk beku di Tanjung Karang didenda sebanyak RM35,000 selepas didapati gagal mematuhi had piawai yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Nor Aziah Jaafar berkata denda berkenaan dikenakan oleh Mahkamah Sesyen Shah Alam di sini hari ini.

"Hakim Razali Ariffin telah menjatuhkan hukuman itu terhadap wakil syarikat selaku Orang Kena Saman yang mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Nor Aziah pada 27 Feb 2019, syarikat berkenaan didapati telah melepaskan efluen perindustrian melebihi had piawai bagi satu parameter di bawah Peraturan 11(1)(b), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 iaitu kandungan pepejal terampai mempunyai kepekatan sebanyak 190 migram seliter (mg/l) melebihi had kepekatan yang dibenarkan iaitu 100 mg/l.

Berdasarkan fakta kes dan eksibit-eksibit yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, Hakim Razali telah menjatuhkan hukuman dengan denda sebanyak RM 35,000.00.

Terdahulu, pegawai pendakwa Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Nor Faizura Mohd Ali dan Mohd Ridzuan Zainal memohon mahkamah memberikan hukuman setimpal berdasarkan pertimbangan ke atas kepentingan awam. - ©BERNAMA

Malaysia kekal rakan dagang penting Denmark - Duta

KUALA LUMPUR, 19 Feb. - Malaysia akan terus menjadi rakan dagang penting Denmark di rantau ini dan bekerjasama untuk mempelbagaikan lagi hubungan perniagaan pada masa depan.

Duta Denmark ke Malaysia, Kirsten Geelan berkata penjagaan kesihatan antara sektor berpotensi.

"Sistem kesihatan juga menawarkan potensi besar untuk kerjasama dengan Malaysia di masa depan," katanya dalam webinar bertajuk 'Denmark and EU (European Union)' from here', Rabu.

Program 'The Ambassador Lecture Series' itu anjuran Institut Asia-Eropah Universiti Malaya.

Menurutnya kini terdapat lebih 50 syarikat Denmark di Malaysia, merangkumi industri makanan dan pengangkutan hingga teknologi maklumat, tenaga, pembuatan serta penyelesaian teknologi hijau.

Antara syarikat itu ialah Arla, Sunquick, Maersk, DSV Rockwood, Novo Nordisk, Novozymes, AVK, United Plantations Berhad, Dong Energy

dan Uhrenholt.

"Kebanyakannya memiliki ibu pejabat wilayah mereka di sini kerana lokasi Malaysia yang strategik, persekitaran perniagaan yang kondusif, dan kepelbagaian," katanya.

Menurut Geelan, eksport Denmark ke Malaysia 2019 masing-masing berjumlah RM1.1 bilion untuk barangan dan perkhidmatan, sementara eksport barangan Malaysia ke Denmark bernilai RM1 bilion dan perkhidmatan RM1.2 bilion pada tahun sama.

Duta yang memulakan tugasnya di sini pada September 2020, berkata tiada kesan langsung terhadap operasi perniagaan Denmark di Malaysia akibat perintah darurat pada awal tahun ini.

Menurutnya, perniagaan Denmark juga harus sentiasa diperbaharui dan disesuaikan dengan perubahan peraturan dan undang-undang mengenai prosedur operasi standard mengikut tahap pelaksanaan perintah kawalan pergerakan

(PKP) kerajaan Malaysia.

"EU dan Dewan Perniagaan EU memainkan peranan dalam melibatkan perniagaan Denmark pada waktu yang sukar ini.

"Kita harus terima hakikat bahawa sekarang adalah detik mencabar dan pandemik telah menjejaskan semua orang, termasuk komuniti perniagaan," katanya.

Mengenai penutupan Kedutaan Denmark di Malaysia akhir tahun ini, beliau memberi jaminan Denmark akan terus bekerja untuk syarikat dan kepentingannya di Malaysia.

"Penglibatan dan hubungan sedia ada akan diteruskan," katanya.

Menteri Luar Denmark Jeppe Kofod pada September lalu mengumumkan Kedutaan Denmark di Malaysia akan ditutup pada 2021.

Berikutan itu, hubungan dua hala dan komersial Malaysia-Denmark akan dikendalikan kedutaan Denmark di Jakarta, Indonesia.

Kedutaan Denmark di Kuala Lumpur dibuka pada 1963. - ©BERNAMA

Strain COVID-19 yang sukar dikesan dilaporkan di Finland

HELSINKI, 18 Feb. - Strain baharu COVID-19, Fin-796H, yang sukar dikesan oleh sekurang-kurangnya satu jenis ujian PCR, telah dilaporkan di Finland, lapor Agensi Berita Sputnik, memetik syarikat Vita Laboratories.

Beberapa jenis virus COVID-19 telah dikesan di seluruh dunia setakat ini, di Britain, Afrika Selatan, Brazil dan Jepun. "Vita Laboratoriot Oy dan Institut Bioteknologi di Universiti Helsinki mengesan jenis COVID-19 yang belum pernah ditemui dalam satu sampel dari selatan Finland. Mutasi strain ini sukar dikesan dengan sekurang-kurangnya satu ujian PCR yang disyorkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Penemuan ini mungkin memberi kesan yang besar dalam menentukan penyebaran penyakit itu. Virus SARS-CoV-2 (strain), dikenali Fin-796H itu mempunyai ciri-ciri strain Britain dan Afrika Selatan," kata syarikat berkenaan dalam satu kenyataan pada Rabu. Finland mengesahkan lebih 51,000 kes COVID-19 setakat ini, dengan lebih 700 kematian. - ©BERNAMA

Penasihat keselamatan AS, UK bincang situasi Afghanistan, Myanmar

WASHINGTON, 18 Feb. - Penasihat Keselamatan Negara Amerika Syarikat (AS) Jake Sullivan dan rakan sejawatannya dari United Kingdom (UK), Stephen Lovegrove, telah membincangkan keadaan di Afghanistan dan Myanmar, serta isu-isu berkaitan China dan Iran, lapor Agensi Berita Sputnik, memetik Rumah Putih.

Perdana Menteri UK Boris Johnson pada Jumaat akan mengadakan sidang kemuncak maya pemimpin G7, yang turut disertai Presiden AS Joe Biden. "Penasihat Keselamatan Negara Jake Sullivan hari ini adakan perbincangan melalui telefon berbincang dengan Stephen Lovegrove, Penasihat Keselamatan Perdana Menteri UK.

"Sullivan menzahirkan sokongannya kepada UK sebagai Presiden G7 dan mengalu-alukan sidang kemuncak pemimpin maya akhir minggu ini. Mereka sepakat perlunya penyelarasan berterusan mengenai keutamaan dasar luar bersama, termasuk Afghanistan, Burma (Myanmar), China, dan Iran," kata Rumah Putih dalam satu kenyataan pada Rabu malam. - ©BERNAMA

Venue Sukan Olimpik musim sejuk Beijing diuji

BEIJING, 19 Feb. - Pertandingan ski diadakan di Taman Ski Genting, bandar Zhangjiakou pada Rabu, bagi menguji venue Sukan Olimpik Musim Sejuk Beijing 2022.

Menurut penganjur, ia bagi membolehkan pihaknya mengetahui jika terdapat sebarang kekurangan dan sebagai persediaan

menghadapi acara sebenar.

Turut dimaklumkan, sejumlah besar atlet telah mula menjalankan sesi latihan antaranya di Pusat Gelongsor Negara, Taman Ski Genting, dan Pusat Luncur Ski Negara.

Sementara itu, ujian acara ski dan gelongsor untuk Olimpik Musim dan Paralimpik telah

bermula pada Selasa.

Beberapa atlet dan pegawai terlibat diundang menyaksikan sejumlah 20 ujian yang melibatkan enam venue di daerah Yanqing, Beijing dan bandar Zhangjiakou.

Menurut pihak penganjur ujian bagi acara ais pula akan dijalankan pada April nanti. - ©BERNAMA



PM baharu Itali Draghi menang undi percaya Senat

ROME, 18 Feb. - Perdana Menteri Itali yang baru dilantik, Mario Draghi memenangi undi percaya di Senat pada Rabu malam, lapor Agensi Berita Xinhua.

Kerajaan pimpinan Draghi memperoleh sokongan majoriti 262-40 dengan dua berkecuali.

Dalam ucapan selepas undian, Draghi menggariskan hala tuju program kerajaannya.

"Tugas utama yang perlu kita penuhi adalah memerangi pandemik dengan apa sahaja cara yang kita mampu. Virus ini adalah musuh semua," kata Draghi.

Beliau berkata vaksinasi COVID-19 mesti dilaksanakan "di semua kemudahan, sama ada awam atau swasta," dengan bantuan tentera, Jabatan Perlindungan Awam, dan sukarelawan.

Sebagai sebahagian daripada kepemimpinan G20 tahun ini, Itali akan mengalakkan "pertumbuhan hijau dan lestari untuk semua" sebagai usaha bangkit kembali

daripada pandemik, kata Draghi.

Negara juga akan menumpukan kepada kelestarian dan peralihan kepada ekonomi hijau menjelang Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (COP26), tambahnya.

Perdana menteri meminta dasar monetari dan fiskal yang lebih luas untuk mendorong peralihan ke ekonomi hijau dan mampan.

Menurut beliau, melindungi alam sekitar adalah asas kepada Rancangan Pemulihan dan Ketahanan Itali untuk melaburkan dana Kesatuan Eropah dalam objektif strategik seperti peralihan ke mobiliti elektrik dan tenaga boleh diperbaharui, kata Draghi.

"Kita akan memperoleh sekitar 210 bilion euro (sekitar US\$253 bilion) dalam jangka masa enam tahun," kata perdana menteri.

Draghi juga berikrar akan memberikan pendidikan, rawatan kesihatan, keadilan, tenaga kerja, dan pembaharuan cukai, serta langkah-langkah kebajikan untuk kumpulan yang terjejas ekonominya akibat pandemik itu.

Beliau yang mengangkat sumpah pada hujung minggu lalu, akan berhadapan undi percaya di Dewan Rakyat pada Khamis.

Di bawah undang-undang Itali, kerajaan baharu mesti memperoleh undi percaya di kedua-dua dewan parlimen sebelum memulakan tugas. - ©BERNAMA

Kes COVID-19 Brazil lewati 10 juta

SAO PAULO, 19 Feb. - Jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Brazil melepasi 10 juta pada Khamis, menurut data Johns Hopkins University, lapor Agensi Anadolu.

Jumlah keseluruhan kes 10,030,626 dengan 49,000 lagi kes baharu dilaporkan dan negara ini mencatatkan jumlah ketiga tertinggi selepas Amerika Syarikat (AS) dan India.

Sementara itu sebanyak 1,432 lagi kematian menjadikan keseluruhan korban setakat ini seramai 243,610 orang. Brazil di kedudukan kedua selepas AS dari segi jumlah kematian.

Mempunyai 2.7 peratus penduduk, ia menyumbang lebih sembilan peratus kes global manakala AS dengan 4.3 peratus populasi menyumbang lebih seperempat. Sementara Amerika Selatan menyumbang kira-kira 10 peratus kematian COVID-19 dunia.

Pada 4 Februari tiga juta penduduknya disuntik dos pertama vaksin COVID-19.

Sehingga kini, sekitar 5.5 juta orang telah diberi sekurang-kurangnya dos pertama di 26 negeri dan daerah. Ini mewakili kira-kira 2.6 peratus penduduk negara ini.

Setakat ini, dianggarkan 309,000 atau 0.15 peratus rakyat Brazil menerima dos kedua. Program vaksinasi di kebanyakan bandar termasuk di ibu negara terpaksa ditangguhkan pada minggu ini berikutan kekurangan bekalan. - ©BERNAMA

Seluruh Lubnan bergelap disebabkan salji lebat

KAHERAH, 18 Feb. - Seluruh wilayah Lubnan terputus bekalan elektrik berikutan salji lebat melanda negara itu, lapor Agensi Berita Sputnik memetik syarikat tenaga nasional.

"Akibat ribut salji yang melanda Lubnan, laluan voltan tinggi dari grid tenaga Lubnan berlebihan pada pukul 4.35, Rabu (14:35 GMT), setelah semua stesen janakuasa terputus dari grid tenaga," kata syarikat itu dalam satu kenyataan, seperti dipetik saluran penyiaran LBC.

Pasukan perkhidmatan penyelenggaraan sedang berusaha untuk memulihkan bekalan tenaga. - ©BERNAMA

Enam ditahan di Mexico hasilkan vaksin COVID-19 palsu

BUENOS AIRES, 18 Feb. - Enam ditahan di Nuevo Leon, Mexico kerana mengeluarkan vaksin COVID-19 palsu, lapor Agensi Berita Sputnik, memetik Kementerian Keselamatan dan Perlindungan Orang Awam.

"Vaksin palsu telah dirampas di Nuevo Leon ... Penggunaan imunisasi jenis ini membahayakan kesihatan masyarakat," kata Kementerian itu dalam satu kenyataan pada Rabu malam.

Kementerian juga meminta rakyat Mexico berwaspada dan hanya mendapatkan vaksin di pusat dan hospital negeri. Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengisytiharkan wabak COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac.

Sehingga kini, lebih 109.87 juta penduduk dunia telah dijangkiti virus itu, dengan lebih 2.42 juta kematian, menurut Johns Hopkins University. Mexico setakat ini mengesahkan lebih dua juta kes COVID-19 dengan lebih 175,000 kematian. - ©BERNAMA

Thailand mulakan kempen suntik vaksin buatan China minggu depan

BEIJING, 18 Feb. - Kerajaan Thailand akan menghantar sebuah pesawat khas untuk mengangkut kumpulan pertama vaksin buatan China pada 24 Februari. Pengerusi Syarikat Penerbangan Antarabangsa Thailand, Chaiyapruk Didyasin, berkata 200 ribu dos vaksin keluaran SinoVac Biotech (SVA) akan diangkut dengan pesawat A350-900.

Beliau berkata, pesawat akan berlepas dari Beijing pagi 24 Februari dan dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Suvarnabhumi, Thailand kira-kira pukul 11 pagi waktu tempatan. Jelasnya, pesawat tersebut dilengkapi dengan kotak kawalan suhu, manakala pakar khas memastikan keselamatan pengangkutan vaksin terjamin.

Sementara itu, beliau turut menzahirkan rasa bangga dan teruja kerana pihaknya diberi kepercayaan bagi menjalankan misi membawa vaksin tersebut. Kerja-kerja pemvaksin diadual dilaksanakan tiga hari selepas vaksin sampai, iaitu pada 27 Februari. - ©BERNAMA

Israel tarik sekatan, kumpulan pertama vaksin Sputnik V Rusia tiba di Gaza

GAZA, 18 Feb. - Kementerian Kesihatan Hamas di Semenanjung Gaza yang dikepung pada Rabu menerima bekalan pertama vaksin COVID-19 Sputnik V Rusia, lapor Agensi Berita Xinhua.

"Hari ini, kami menerima kumpulan pertama vaksin COVID-19 buat pertama kali sejak pandemik ini menular di Semenanjung Gaza," kata Pengarah Jabatan Farmasi Kementerian Kesihatan Muneer al-Borsh.

Menurutnya penghantaran itu mengandungi 2,000 dos vaksin dan mencukupi untuk 1,000 orang.

"Penghantaran vaksin itu ke Semenanjung Gaza melalui pusat

laluan komersial Kerem Shalom yang dikawal Israel, dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Palestin di Ramallah," kata al-Borsh.

Di Kerem Shalom, Pengarah Penjagaan Kesihatan Kementerian Kesihatan Hamas, Majdi Dhair, memberitahu wartawan kempen vaksinasi di Semenanjung Gaza akan bermula pada Khamis pagi.

Dhair menyatakan vaksin itu akan diberi kepada petugas perubatan di unit rawatan intensif, pesakit pemindahan organ, warga emas dan pesakit dengan penyakit kronik.

"Kami masih tidak mempunyai maklumat mengenai pengiriman

lebih banyak vaksin ke Semenanjung Gaza, yang mempunyai lebih dua juta penduduk," tambahnya.

Israel pada Isnin menolak untuk membenarkan vaksin COVID-19 dihantar ke Semenanjung Gaza, menyebabkan kerajaan Palestin meminta campur tangan antarabangsa dalam isu tersebut sebelum Israel menarik larangan itu pada Rabu.

Semenanjung Gaza, yang menghadapi sekatan darat, laut dan udara oleh Israel sejak 2006, telah mencatatkan sejumlah 53,871 kes COVID-19 sejak ia merebak di Palestin pada Mac 2020. - ©BERNAMA

Persiapan akhir menjelang ketibaan bekalan vaksin Ahad ini berjalan lancar - KKM

KUALA LUMPUR, 18 Feb. - Persiapan akhir bagi menerima bekalan pertama vaksin COVID-19 dari syarikat farmaseutikal Pfizer-BioNTech pada Ahad ini berjalan lancar, kata Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) Datuk Dr Hishamshah Mohd Ibrahim.

Beliau berkata persiapan rapi termasuk sesi latihan yang dilaksanakan sebelum ini, merangkumi proses penghantaran vaksin ke fasiliti penyimpanan dan ke negeri lain juga berjalan lancar, malah petugas kesihatan terlibat dalam prosedur suntikan turut diberikan latihan secukupnya.

"Melalui dryrun (latihan) ini, kita dapat kenal pasti masalah yang dihadapi dan penyelesaiannya, maka pada hari ketibaan vaksin itu nanti, semuanya diharapkan akan berjalan dengan lancar."

"Bahagian perolehan KKM (Kementerian Kesihatan) juga telah mendapat bekalan sebanyak 55 peti penyejuk beku (freezer) untuk menyimpan vaksin dan ditempatkan di pusat-pusat simpanan vaksin yang dikenal pasti," katanya ketika menjadi panel jempunan dalam program Ruang Bicara yang disiarkan di Bernama TV, malam tadi.

Jelas beliau, persiapan logistik KKM juga sudah bersedia sepenuhnya menerusi atur gerak yang dilaksanakan Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM bagi memastikan vaksin disimpun

dengan baik.

Selain itu, Dr Hishamshah berkata peti simpanan suhu ultra rendah (ultra low temperature) yang sedia ada turut tempatkan di fasiliti penyimpanan vaksin KKM dan fasiliti Angkatan Tentera Malaysia, sebagai tambahan bagi peti penyimpanan vaksin.

Justeru katanya, buat masa ini KKM tidak mempunyai masalah untuk menyimpan bekalan kumpulan pertama vaksin itu.

Pada Selasa, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Malaysia akan menerima vaksin Pfizer-BioNTech pada Ahad ini (21 Feb) dan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi fasa pertama akan bermula pada 26 Feb. - ©BERNAMA

Kehadiran tentera Perancis di Sahel Afrika dikekalkan - Macron



PARIS, 17 Feb. - Presiden Emmanuel Macron pada Selasa berkata kehadiran tentera Perancis di wilayah Sahel Afrika tidak akan berubah dalam beberapa bulan akan datang, lapor Agensi Berita Xinhua.

"Perubahan ketara pada sistem ketenteraan kita di Sahel akan dibuat bila tiba masanya, tetapi bukan dalam masa terdekat," kata Macron pada sidang media selepas menyertai sidang kemuncak maya negara-negara Sahel G5 (Burkina Faso, Chad, Mali, Mauritania dan Niger).

Pengunduran pasukan

keselamatan Perancis secara besar-besaran "akan menjadi suatu kesilapan," katanya.

Pada 19 Januari, Macron mengumumkan penarikan beberapa tentera Perancis dari wilayah Sahel berikutan kejayaan menentang militan Islam dan ketibaan lebih banyak pasukan keselamatan Eropah.

Menurut Macron, menyesuaikan kehadiran tentera Perancis di rantau ini "tidak bermaksud menghentikannya tetapi ia disesuaikan dengan menumpukan pada objektif utama iaitu memerangi kumpulan pengganas

dan berjuang untuk membantu tentera Sahel, tetapi bukan untuk jangka masa lama."

"Tugas kita tolong negara-negara berdaulat yang meminta bantuan," katanya mengulas mengenai peningkatan sentimen anti-Perancis di wilayah tersebut.

Bersama ribuan pasukan pengaman Misi Penstabilan Multidimensi Bersepadu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Mali (MINUSMA), sekitar 4,500 tentera Perancis telah dikerahkan di rantau ini sejak 2014 untuk membantu

pasukan negara G5 Sahel memerangi pejuang ekstremis dan mengembalikan keamanan di kawasan itu.

Setahun lalu, Perancis

menguatkan kehadirannya dengan tambahan 600 anggota. - ©BERNAMA

WHO syaki arnab, spesies musang turut sebarkan COVID-19 kepada manusia

MOSCOW, 19 Feb. - Pakar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menyelidik asal usul pandemik COVID-19 mencadangkan arnab dan ferret badgers (spesies musang) yang dijual di pasar Wuhan di China, kemungkinan turut menyebarkan virus itu kepada manusia, lapor Agensi Berita Sputnik.

Menurut The Wall Street Journal, penyelidik bagaimanapun menyedari perlunya penyelidikan lebih lanjut mengenai pembekal

haiwan tersebut dan haiwan-haiwan lain di pasar itu. Mereka belum lagi dapat memastikan senarai lengkap haiwan hidup dan mati yang dijual secara sah atau haram di pasar berkenaan.

Pakar juga menegaskan China perlu melakukan ujian lebih menyeluruh di ladang penternakan mink (sejenis spesies musang) selepas penularan dua hala SARS-CoV-2 antara manusia dan mink disahkan di Eropah.

Pasukan pakar WHO menamatkan lawatan kerja empat minggu ke China minggu lalu.

Pada sidang media, mereka mengumumkan bahawa ia bukan kebocoran virus dari makmal, manakala peranan pasar basah Wuhan masih belum jelas.

Penyelidik berpendapat timbul keraguan COVID-19 berpunca daripada kelawar dan menyatakan kemungkinan wujudnya perumah perantara. - ©BERNAMA

Taiwan atur penerbangan bawa pulang rakyatnya dari Myanmar

TAIPEI, 17 Feb. - Taiwan mengatur dua penerbangan untuk rakyatnya yang ingin meninggalkan Myanmar susulan krisis politik di negara itu, menurut Pejabat Ekonomi dan Kebudayaan Taipei (TECO) di Myanmar, lapor Agensi Berita Pusat Taiwan (CNA).

Dua penerbangan dikendalikan syarikat penerbangan utama Taiwan, China Airlines (CAL) itu, dijadualkan terbang dari Taipei ke Yangon dan kembali pada 21 dan 28 Februari. Warga Taiwan yang berminat boleh

menghubungi CAL untuk maklumat lanjut, kata pejabat itu dalam kenyataan akhbar pada Isnin.

TECO, kedutaan de facto Taiwan di Myanmar meminta warganya supaya bertenang ketika muncul pelbagai maklumat yang tidak sahih mengenai keadaan politik. Jika berlaku kecemasan, warga Taiwan boleh menghubungi talian telefon (95) 9-257-257-575, kata TECO dan laman webnya akan mengemas kini maklumat mengenai situasi di Myanmar dari semasa

ke semasa.

Meskipun operasi syarikat Taiwan di Myanmar secara beransur-ansur kembali normal sejak awal Februari, beberapa syarikat perdagangan menghadapi masalah mengekspor barang kerana ketidakstabilan politik, kata TECO.

Myanmar menyaksikan tunjuk perasaan anti-kudeta di seluruh negara sejak 1 Februari ekoran rampasan kuasa tentera dan Aung San Suu Kyi serta pemimpin lain yang dipilih secara demokratik ditahan. - ©BERNAMA

14 ditahan dalam rusuhan di Sepanyol

MADRID, 17 Feb. - Sekurang-kurangnya 14 orang ditahan susulan rusuhan yang terdeteksi di beberapa bandar di Sepanyol, kerana membantah penahanan rapper Pablo Hasel, lapor Agensi Berita Sputnik, memetik polis Catalan.

Pablo Hasel ditahan kerana menyokong keganasan dan menghina monarki.

Dua ditahan di Barcelona, empat di Vic dan lapan di Lleida, kata Mossos d'Escuadra di Twitter.

Menurut perkhidmatan perubatan kecemasan, kira-kira 30 cedera, lapan daripadanya dimasukkan ke hospital, selepas bertempur dengan anggota polis. - ©BERNAMA

Hungary, negara EU pertama peroleh vaksin China

BEIJING, 17 Feb. - Bekalan vaksin COVID-19 yang dihasilkan oleh Kumpulan Farmaseutikal Nasional China (Sinopharm) selamat tiba di Budapest, Hungary pada Selasa. Hungary menjadi negara Kesatuan Eropah (EU) pertama menggunakan vaksin keluaran China.

Majlis penyerahan itu dihadiri setiausaha negara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Tamas Menczer dan Duta China ke Hungary, Qi Dayu di Lapangan Terbang Antarabangsa Liszt Ferenc, pagi Selasa.

Ketika diwawancara Kumpulan Media China (CMG), Menczer menyatakan vaksin China itu amat diperlukan untuk menyelamatkan nyawa rakyat negaranya. "Menurut kontrak pembelian, bekalan vaksin kumpulan pertama akan sampai di sini selewat-lewatnya hujung bulan ini.

"Kami sangat gembira melihat vaksin itu tiba lebih awal daripada yang dijadualkan," jelas Menczer. Terdahulu, Institut Farmasi dan Pemakanan Nasional Hungary (NIPN) meluluskan penggunaan vaksin yang diusahakan Sinopharm pada 29 Januari, sekali gus menjadikannya negara EU pertama berbuat demikian. - ©BERNAMA

Seluruh AS akan peroleh vaksin COVID-19 menjelang akhir Julai : Biden

MILWAUKEE, (Amerika Syarikat), 17 Feb. - Presiden Joe Biden berkata beliau menjangkakan vaksin COVID-19 akan tersedia ke seluruh Amerika Syarikat (AS) pada akhir Julai dan berharap negara itu kembali normal menjelang Krismas, lapor Agensi Berita United Press International (UPI).

Menjawab soalan semasa sesi Town Hall CNN di Milwaukee pada Selasa, Biden berkata kerajaan akan menyediakan 600 juta dos vaksin menjelang akhir Julai, cukup untuk setiap rakyat Amerika.

Pada sesi selama sejam itu Biden berkata antara halangan utama dihadapinya dalam menangani tindak balas pandemik daripada pentadbiran sebelum ini adalah kekurangan petugas untuk melakukan suntikan.

"Sekarang kita telah membuat kemajuan besar dengan meningkatkan jumlah vaksin. Saya mengeluarkan perintah eksekutif yang membenarkan bekas doktor dan jururawat bersara untuk melakukannya.

"Kita mempunyai lebih seribu petugas anggota tentera ... Kita telah melibatkan Pengawal Negara... Selain itu kita juga telah membuka banyak lokasi untuk memudahkan anda mendapatkan vaksin," katanya.

Beliau berkata demikian susulan kenyataan Setiausaha Akhbar Rumah Putih Jen Psaki yang menyatakan kerajaan akan meningkatkan bekalan vaksin ke negeri-negeri kepada 13.5 juta dos seminggu, meningkat daripada 11 juta minggu lalu.

Presiden berkata melihat keadaan semasa dan kemungkinan kelulusan untuk vaksin COVID-19 Johnson & Johnson, boleh mengurangkan penyebaran virus dengan ketara dan negara dapat kembali seperti biasa pada Krismas akan datang. - ©BERNAMA

Kerjasama BRI pacu pembangunan infrastruktur Thailand

BEIJING, 17 Feb. - Selaku negara penting yang terlibat dalam Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI), Thailand kini mempergiat penyelarasan strategi pembangunan negaranya dengan inisiatif tersebut, menyaksikan kerjasama kedua-dua negara membabitkan kesalinghubungan infrastruktur terus ditingkatkan.

Seperti sedia maklum, lapangan terbang dilihat begitu simbolik umpama sepasang sayap bagi sesebuah bandar. Kini, warga Thailand bakal menerima sebuah terminal baharu di Lapangan Terbang Suvarnabhumi Bangkok yang sedang di fasa akhir pelarasan sistem

Meskipun turut menerima tempas pandemik COVID-19, China State Construction Engineering Corporation (CSCEC) selaku pemenang pembidaan projek tersebut pada Ogos 2017, masih meneruskan kerja-kerja pembinaan dengan mematuhi peraturan kawalan wabak bagi memastikan projek diselesaikan mengikut jadual.

Pengurus projek, Shen Minghua ketika ditemu ramah wartawan Kumpulan Media China (CMG) berkata, projek itu tidak pernah dihentikan, serta tiada pekerja yang dilaporkan dijangkiti wabak pada pertengahan Mac tahun lalu, iaitu tempoh paling kritikal dalam

penularan pandemik di negara itu.

"Demi menyelesaikan projek dengan kualiti terjamin, kami kekal bertugas termasuk pada tempoh cuti Tahun Baru Cina", ujar beliau. Terminal baharu itu sebuah projek prasarana ikonik berkaitan kesejahteraan rakyat yang menjadi tumpuan seluruh masyarakat tempatan.

Projek itu menawarkan lebih 15,000 peluang pekerjaan, manakala kesemua bahan yang digunakan untuk pembinaan termasuk simen, keluli dan bahan hiasan dibeli di Thailand sekali gus membantu memacu pertumbuhan ekonomi tempatan. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

PERSEKUTUAN Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam (PERSIB) telah ditubuhkan lebih tiga dekad yang lalu, didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan Brunei Darussalam pada 30 Disember 1986 dan berdaftar dengan Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT) pada 25 Ogos 1988.



ePaper Pelita Brunei



Van Rimba Star FC dirasmikan

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD), Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan semasa merasmikan Van Kelab Rimba Star FC (kiri), sementara gambar atas, Presiden NFABD, Pengiran Haji Matusin pada sesi bergambar ramai pada Perasmian Van Kelab Rimba Star FC, yang berlangsung di NFABD House, Berakas.

BERAKAS, Khamis, 18 Februari. - Kelab Bola Sepak Rimba Star FC, pada awal penubuhannya, pada tahun 2008, bermula dengan mengikuti Kejohanan Liga Daerah bagi Daerah Brunei dan Muara, seterusnya berjaya menjuarai liga tersebut dan melayakkan

kelab ini melangkah ke Liga Perdana.

Pada ketika ini, Rimba Star FC menyertai kejohanan Liga Super, yang dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD).

Kelab ini juga mengikuti Kejohanan Liga di Bawah Umur

12, 16 dan 19 Tahun, di mana Kejohanan Liga di Bawah Umur 12 tahun pernah menjadi juara, pada tahun 2017; dan tempat ketiga, Kejohanan Liga di Bawah Umur 16 tahun, pada tahun yang sama.

Liga tersebut diadakan pada

setiap tahun, di bawah anjuran NFABD dalam membantu dan mencari juga mencungkil bakat-bakat baharu dalam kalangan pemain-pemain muda negara.

Alhamdulillah, hasil daripada liga yang dianjurkan tersebut, terdapat beberapa pemain dari kelab ini, terpilih untuk diserapkan ke dalam Skwad Kebangsaan bagi mewakili negara.

Perkara tersebut, dijelaskan oleh Presiden Rimba Star FC, Awang Yassin bin Awang Haji Md. Noor semasa menyampaikan ucapannya, pada Perasmian Van Kelab Rimba Star FC, yang berlangsung di NFABD House, Berakas, di sini.

Beliau, mengucapkan ribuan terima kasih atas bantuan kewangan yang diberikan, di mana kelab ini menggunakan kewangan tersebut dengan

membeli sebuah van sebagai kenderaan rasmi Rimba Star FC.

"Dengan adanya van rasmi ini, hasil daripada peruntukan kewangan yang telah diberikan daripada pihak NFABD, saya percaya akan banyak membantu meringankan dan memudahkan lagi segala urusan-urusan kelab ini, khususnya dalam menghantar dan mengambil pemain-pemain bagi sesi latihan dan perlawanan, sama ada di dalam mahupun di luar daerah," jelasnya.

Hadir selaku tetamu kehormat, pada perasmian berkenaan, Presiden NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan.

Atur cara turut diisikan dengan tetamu kehormat dijemput untuk merasmikan van berkenaan, diikuti dengan bacaan Doa Selamat dan sesi bergambar ramai.

Kelayakan Piala Dunia 2022 / Piala Asia 2023 : Aksi Kumpulan G ditangguh ke Jun

KUALA LUMPUR, 18 Feb. - Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) mengesahkan jadual baki perlawanan Kumpulan G pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2022 / Piala Asia 2023, yang turut melibatkan skuad kebangsaan ditunda ke Jun depan.

Setiausaha Agung AFC Datuk Windsor Paul John berkata, kelima-lima pasukan iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Vietnam, telahpun memberikan kata putus menerusi satu mesyuarat secara dalam talian bersama kesemua 40 pasukan bertanding, dalam pusingan kedua itu.

"Bagi Kumpulan G, kami (AFC) sudah mendapat persetujuan kesemua lima negara untuk menunda baki perlawanan pada bulan Mac kepada Jun, dan semua perlawanan akan dimainkan secara berpusat," katanya kepada Bernama hari ini.

AFC sebelum ini memberikan sehingga 15 Feb lepas, untuk semua pasukan memuktamadkan pendirian berhubung jadual baki perlawanan Kumpulan G pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2022 / Piala Asia 2023.

Pada masa sama, Windsor berkata AFC kini akan memulakan proses pemilihan venue dengan mengeluarkan surat pemakluman kepada kesemua pasukan, bagi memohon untuk menjadi tuan rumah

pada Jun.

Namun menurut beliau, mana-mana pasukan yang berhasrat menjadi tuan rumah perlu memenuhi beberapa kriteria utama ditetapkan badan induk bola sepak Asia itu.

"Antaranya sempadan negara mesti dibuka kepada pasukan dan pegawai perlawanan, mesti mempunyai infrastruktur kesihatan yang baik, fasiliti kuarantin selain tidak dipaksa untuk menjalani proses kuarantin sekiranya memasuki negara," jelasnya.

Pada masa sama Windsor berkata, surat pemakluman itu dijangka dikeluarkan minggu depan dan kesemua negara diberikan tempoh masa mencukupi dalam membuat keputusan, sebelum AFC menilai seterusnya menentukan negara yang benar-benar layak.

Mengikut jadual asal, Malaysia akan menentang UAE di Dubai pada 25 Mac sebelum melayan kunjungan Vietnam pada 30 Mac dan menamatkan pusingan itu berdepan Thailand pada Jun.

Selepas lima perlawanan, Malaysia hanya dipisahkan dua mata di belakang pendahulu Kumpulan G, Vietnam yang mengumpul 11 mata, sementara Thailand pada kedudukan ketiga (lapan mata), UAE keempat (enam mata) dan Indonesia di kedudukan tercorot tanpa sebarang mata.

- ©BERNAMA

Tahukah Awda

MASJID pertama Brunei dibina oleh Sultan Sharif Ali dalam Abad Ke-15. Baginda bukan sahaja membina sebuah masjid, tetapi beberapa buah masjid yang menggabungkan elemen-elemen mihrab dan mimbar agar bangunan dapat dikenal pasti tempat ibadat dan bukan rumah biasa.

Masjid pertama dibina di atas tanah ialah Masjid Marbut Pak Tunggal (Masjid Pekan Brunei) dibina oleh Sultan Muhammad Jamalul Alam (1906-1924) yang diperbuat daripada kayu dengan bumbung asbestos.

Sumber : Sejarah Ristaan Ke-50 Tahun Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSATU PADU, BERSATU HATI UNTUK TAAT SETIA KEPADA RAJA, NEGARA

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam